



JABATAN PERDANA MENTERI


# **KOMPILASI PROJEK INOVASI ICT**

Jabatan / Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri

Kecemerlangan Inovasi Merentas Globalisasi







***“ Kajian empirikal membuktikan bahawa wujudnya korelasi yang kuat antara inovasi dan produktiviti. Survival dan berjayanya sesebuah organisasi atau negara itu, sangat bergantung pada penekanan terhadap dua perkara ini. Justeru, untuk sentiasa kekal mendepani kelok kemajuan, Malaysia akan terus membudayakan inovasi yang membawa kepada peningkatan produktiviti dalam semua peringkat, sama ada di peringkat nasional, industri mahupun perusahaan ”***

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

# ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

|            |   |
|------------|---|
| Prakata    | 3 |
| Pengenalan | 4 |

## BAB 1

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| Objektif                    | 5  |
| Strategi Inovasi            | 6  |
| Mekanisma Pelaksanaan       | 7  |
| Statistik Penyertaan Projek | 8  |
| Senarai Projek              | 12 |

## BAB 2

|                                                                |     |
|----------------------------------------------------------------|-----|
| Bahagian PERMATA                                               | 17  |
| Bahagian Pengurusan Hartanah                                   | 20  |
| Bahagian Penyelidikan                                          | 22  |
| Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan | 23  |
| Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan                     | 25  |
| Jabatan Audit Negara                                           | 26  |
| Jabatan Bantuan Guaman                                         | 27  |
| Jabatan Insolvensi Malaysia                                    | 30  |
| Jabatan Kemajuan Islam Malaysia                                | 31  |
| Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia                             | 38  |
| Jabatan Peguam Negara                                          | 39  |
| Jabatan Perdana Menteri                                        | 42  |
| Jabatan Perkhidmatan Awam                                      | 47  |
| Jabatan Perangkaan Malaysia                                    | 52  |
| Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji                                  | 57  |
| Lembaga Penasihat                                              | 62  |
| Lembaga Tabung Haji                                            | 63  |
| Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan                         | 65  |
| Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia            | 67  |
| Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan                   | 69  |
| Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman                               | 71  |
| Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia                         | 72  |
| Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat                            | 73  |
| Suruhanjaya Perkhidmatan Awam                                  | 74  |
| Unit Penyelarasan Pelaksanaan                                  | 76  |
| Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia    | 86  |
| Unit Perancang Ekonomi                                         | 101 |

## BAB 3

|                      |     |
|----------------------|-----|
| Melangkah ke Hadapan | 104 |
|----------------------|-----|


## BAB 4

|         |     |
|---------|-----|
| Penutup | 106 |
|---------|-----|



Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the top-left corner of the page.

# BAB 1

Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the bottom-right corner of the page.

# Prakata

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia


Bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas rahmat dan izin-Nya, Buku Kompilasi Projek-projek Inovasi ICT Jabatan Perdana Menteri 2012-2015 dapat diterbitkan. Projek-projek inovasi yang disenaraikan dalam buku ini merupakan projek inovasi yang telah menyertai Anugerah Inovasi JPM dan juga Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPM.

Matlamat utama penganjuran Anugerah Inovasi JPM dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah bagi melahirkan individu amnya atau organisasi khususnya yang serba boleh memandangkan kita berada dalam era global yang saling berkait pelbagai arah dan bebas berdikari. Ketua-ketua jabatan haruslah memainkan peranan dan lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai platform untuk menjana dan menggalakkan pertumbuhan idea-idea baharu termasuklah memberi insentif dan pengiktirafan kepada kakitangan yang berusaha dan berjaya mencetuskan inovasi positif.


Justeru itu, buku Kompilasi Projek-projek Inovasi ICT JPM 2012-2015 ini diharapkan dapat menjadi penambah semangat dalam mempergiatkan lagi penciptaan produk-produk inovasi di Jabatan/Agensi JPM. Semua Jabatan/Agensi boleh menggunakan atau mendapatkan produk-produk inovasi tersebut dengan hanya menghubungi terus Jabatan/Agensi yang berkenaan. Melalui kaedah ini, secara tidak langsung dapat mengelakkan Jabatan/Agensi membangunkan produk inovasi yang sama dan seterusnya dapat menjimatkan kos, masa dan sumber manusia. Akhir kata, semoga JPM terus cemerlang dan konsisten dalam melahirkan modal insan yang berinovasi.

Bersama kita jayakan!

**Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood**  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri







# PENGENALAN

Buku Kompilasi Projek Inovasi ICT Jabatan/Agensi Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2012 – 2015 merupakan satu inisiatif JPM dalam mewujudkan “*institutional memory*” mengenai kecemerlangan menghasilkan produk inovasi yang signifikan kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Bermula pada tahun 2010, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Tahun Gerakan Inovasi dan mengumumkan penubuhan Unit Inovasi di semua Kementerian/Jabatan/Agensi. JPM telah menyahut saranan YAB Perdana Menteri dengan mengorak langkah membina kapasiti organisasi berlandaskan budaya kreativiti dan inovasi. Berpandukan kepada 6 teras strategik yang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang berorientasikan konsep PDCA (*plan, do, check, act/adjust*) ia diharapkan berupaya mewujudkan ekosistem inovasi yang menyeluruh.

- Membolehkan perkongsian maklumat mengenai amalan terbaik untuk mendorong Jabatan/Agensi supaya sentiasa menjalankan usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan.
- Mengelakkan pertindihan penghasilan projek/sistem yang mempunyai kegunaan yang sama.
- Menggalakkan amalan inovasi bagi menjamin peningkatan produktiviti dan kecemerlangan sektor awam.



# OBJEKTIF PENGHASILAN BUKU



# **STRATEGI INOVASI JPM**

**Penciptaan dan pengukuran budaya inovasi**

**Konsultansi, integrasi, konsolidasi usaha inovasi**  
( *coordination, integration, consolidation* )

**Pengiktirafan usaha inovasi ( *recognition* )**

**Pengkomersilan dan pemasaran produk inovasi**  
( *commercialization/marketing* )

**Adaptasi dan pemakaian produk inovasi**  
( *adoption/absorbtion* )


**Pemantauan, pembudayaan dan aplikasi hasil inovasi**



# **MEKANISMA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN GERAKAN INOVASI JPM**


- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JPM dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.
- Mesyuarat Bersama Penyelaras Inovasi Jabatan/Agensi JPM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), JPM.

# STATISTIK PENYERTAAN PROJEK INOVASI




**Rajah 1 : Jumlah Projek yang Menyertai Anugerah Inovasi JPM Dari Tahun 2012 - 2015**

# STATISTIK PENYERTAAN PROJEK INOVASI




Rajah 2 : Jumlah Projek yang Menyertai Anugerah Inovasi JPM



Rajah 3 : Jumlah Projek yang Menyertai Konvensyen KIK JPM



# STATISTIK PENYERTAAN PROJEK INOVASI



**Rajah 4: Jumlah Penyertaan Konvensyen KIK JPM Mengikut Jabatan/Agensi  
JPM 2012-2015**



# **SENARAI PROJEK**

|                                                                                               |                                                                                  |                                                                     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| 1. Permata Q                                                                                  | Azmaini Binti Isa<br>03-8319 4000<br>azmaini@permata.jpm.my                      | Bahagian PERMATA                                                    |
| 2. E-PAPN                                                                                     |                                                                                  |                                                                     |
| 3. E-Temu janji                                                                               | Zaidah Binti Yusof<br>03-8880 0147<br>zaidah@bph.gov.my                          | Bahagian Pengurusan Hartanah                                        |
| 4. Latest Information system                                                                  | Samsul Kahar bin kamarudin<br>03-8888 7950<br>samsul@bpe.gov.my                  | Bahagian Penyelidikan                                               |
| 5. Sistem Pengemaskinian Maklumat Anggota Pentadbiran / Pegawai Kanan Kerajaan Laman Web BKPP | Mohamad Raffi Bin Abdullah<br>03-8872 4081<br>raffi@kabinet.gov.my               | Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM |
| 6. Sistem Integrasi Bahagian Kabinet                                                          | Norhazlan Bin Abd. Hamid<br>03-8872 4104<br>norhazlan@kabinet.gov.my             |                                                                     |
| 7. Sistem Invois                                                                              | Farhan bin Zakariya<br>03-8924 3409<br>farhan@ilkap.gov.my                       | Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan                          |
| 8. Aksi                                                                                       | Asnieee Binti Bujang<br>03-8889 9345<br>asniece@audit.gov.my                     | Jabatan Audit Negara                                                |
| 9. Bank Hujah                                                                                 | Siti Mariam Binti Hj Muhamad<br>03-8885 1804<br>mariam.muhamad.jbg@1govuc.gov.my | Jabatan Bantuan Guaman                                              |
| 10. JBG4U                                                                                     |                                                                                  |                                                                     |
| 11. Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman Atas Talian                                      |                                                                                  |                                                                     |
| 12. Insolvency Notification System (INS) / Sistem Notifikasi Insolvensi                       | Ebenezer Rajendran Subramaniam<br>0388851380<br>ebe.subramaniam@mdi.gov.my       | Jabatan Insolvensi Malaysia                                         |
| 13. DASHBOARD JAKIM                                                                           | Tuan Haji Kamarudin bin Haji Dolmoin<br>03-8886 4046<br>kamarudin@islam.gov.my   | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia                                     |
| 14. Halal Square & Halal Inside                                                               | Dr. Sirajuddin bin Suhaimie<br>03-8892 5117<br>siraj@islam.gov.my                |                                                                     |
| 15. Soal Jawab Kemusykilan Agama JAKIM                                                        | Tuan Haji Kamarudin bin Haji Dolmoin<br>03-8886 4046<br>kamarudin@islam.gov.my   |                                                                     |
| 16. Sistem Pensijilan Halal Malaysia                                                          | Dr. Sirajuddin bin Suhaimie<br>03-8892 5117<br>siraj@islam.gov.my                |                                                                     |
| 17. Sistem Pertukaran Pegawai Dan Kakitangan JKSM(SPPK) Versi2                                | Norfarihan binti Mohamad Karid<br>03-8886 4814<br>norfarihan@esyariah.gov.my     | Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia                                  |
| 18. Chambers Virtual Office (CVO)                                                             | Norshaida binti Khalid<br>03-8872 2696<br>norshaida@agc.gov.my                   | Jabatan Peguam Negara                                               |
| 19. Sistem Aplikasi Laporan Harian                                                            | Kamarul Arif bin Yusoff<br>03-8872 2697<br>kamarul.arif@agc.gov.my               |                                                                     |
| 20. E-Psikologi                                                                               | Siti Nur Ain Binti Md. Johari<br>03-8872 3496<br>nurain.johari@jpm.gov.my        | Jabatan Perdana Menteri                                             |
| 21. Sistem Nilai Prestasi Pengurusan Kewangan Audit Secara Online (ezSNAP)                    | Burhanuddin Bin Md Zain<br>0388721816<br>burhanuddin.mz@jpm.gov.my               |                                                                     |
| 22. Sistem Pengurusan Waran Perjalanan Udara Awam Dalam Talian (e-WPUA)                       | Noh bin Mokmin<br>03-8872 1941<br>noh.mokmin@jpm.gov.my                          |                                                                     |
| 23. Malaysian Students Engagement Online Feed (Myself)                                        | Wan Nazirul Hafeez Bin Wan Safie<br>03-8885 3210<br>hafeez.safie@jpa.gov.my      | Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia                                  |



|                                                            |                                                                            |                                                       |
|------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| 24. Student Assessment Centre (SAC)                        | Munirah Binti Mohd Zaki<br>03-8885 3302<br>munirah.zaki@jpa.gov.my         |                                                       |
| 25. Sistem Semakan Status Penerimaan Dokumen               | Wan Nazirul Hafeez bin Wan Safie<br>03-885 3210<br>hafeez.safie@jpa.gov.my |                                                       |
| 26. Sistem ePelanggan Gen2                                 | Ahairul Afza bin Abdul Wahab<br>03-8885 5116<br>ahairul.wahab@jpa.gov.my   |                                                       |
| 27. e-MSIC                                                 | Che Norma Binti Murad<br>03-8885 7343<br>norma_murad@stats.gov.my          | Jabatan Perangkaan Malaysia                           |
| 28. e-QSS                                                  | Siti Nor Fadillah Binti Md Saat<br>03-8947 9157<br>fadillah@stats.gov.my   |                                                       |
| 29. e-JobPSH                                               | Rushdi Mohamad Khir<br>03-2267 2470<br>rusdhi@stats.gov.my                 |                                                       |
| 30. eZ-trace                                               | Joannes Jeshua Anak Bayang<br>082-23 4670<br>joannes@stats.gov.my          |                                                       |
| 31. Sistem Pengurusan Rekod Latihan (SisCOURSE)            | Muzazila Binti Mustari<br>03-8883 7458<br>muzazila@jawhar.gov.my           | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)                |
| 32. Sistem Pengurusan Inovasi JAWHAR                       | Muhamad Ridzuan Bin Sabli<br>03-8883 7410<br>ridzuan@jawhar.gov.my         |                                                       |
| 33. Sistem Pendaftaran Program JAWHAR                      |                                                                            |                                                       |
| 34. Sistem e-Bayanat Versi 2.0                             |                                                                            |                                                       |
| 35. Portal & Aplikasi Mobil (I-UMRAH)                      | Mohd Faizal bin Ab. Hamid<br>03-8883 7407<br>faizal@jawhar.gov.my          |                                                       |
| 36. Sistem Daftar Kes Keurusetiaan (sisDesk)               | Ida Rohana binti Othman<br>03-88705555<br>idarohana@lp.gov.my              | Lembaga Penasihat (JPM)                               |
| 37. Sistem e-Hajj                                          | Haji Nizan Johar bin Abdul Wahab<br>04-976 4137<br>nizan.johar@lth.gov.my  | Lembaga Tabung Haji                                   |
| 38. Projek eMyHaj                                          | Haji Azman bin Jamil<br>09-6812522<br>azman.jamil@lth.gov.my               |                                                       |
| 39. MAIWP eBayaran                                         | Arfizal Bin Anuar<br>03-40479467<br>arfizal@maiwp.gov.my                   | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan                |
| 40. Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ)                    | Nor Azlina Binti Mohamad Salleh<br>03-40479466<br>arfizal@maiwp.gov.my     |                                                       |
| 41. Sistem eHartanah MAIWP                                 | Arfizal Bin Anuar<br>03-40479467<br>arfizal@maiwp.gov.my                   |                                                       |
| 42. Sistem Tapisan Keselamatan Atas Talian (e-Vetting 2.0) | Tuan Haji Md Yasin bin Husin<br>03-8872 6028<br>md.yasin@cgso.gov.my       | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia   |
| 43. Sistem Pengurusan Probet dan Pentadbiran               | Nazri bin Ismail<br>03-8880 3614<br>nazri@kehakiman.gov.my                 | Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia |
| 44. Sistem Pengurusan Maklumat Biodata Hakim               | Nurul Huda binti Zaini<br>03-8880 3910<br>nurul@jac.gov.my                 | Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman                      |
| 45. Sistem Pelaporan Harian Rasmi Berkomputer (e-Diary)    | Nor Azmi Bin Karim<br>03-88867000<br>nor_azmi@sprm.gov.my                  | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia                |

|                                                                                                |                                                                                |                                                             |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------|
| 46. Aplikasi Mudah Alih MeterOn                                                                | Noor Adibah binti Mohd Azahar<br>03-2726 7379<br>noor.adibah@spad.gov.my       | Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat                         |
| 47. ePengesahan                                                                                | Kamal Bin A Hamid<br>013-206 7817<br>kamal@spa.gov.my                          | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia                      |
| 48. ePertanyaan V2                                                                             |                                                                                |                                                             |
| 49. Sistem Tindakan Minit Mesyuarat (TIMES)                                                    | Juraimi Binti Ghazali<br>03-88726481<br>juraimi@icu.gov.my                     | Unit Pelarasan Pelaksanaan                                  |
| 50. Sistem Bank Inovasi                                                                        |                                                                                |                                                             |
| 51. Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih)                                                     | Puteh Soraya Binti A. Rahman<br>03-8872 3803<br>puteh.arahman@icu.gov.my       |                                                             |
| 52. ICU Information Dashboard for Executive (InDEX)                                            | Juraimi Binti Ghazali<br>03-88726481<br>juraimi@icu.gov.my                     |                                                             |
| 53. Sistem Pengurusan Iklan dan Pemantauan Sebut harga (SPIPS)                                 | Noor Shafina Binti Shafie<br>09-745 5145<br>shafina@kel.icu.gov.my             |                                                             |
| 54. Business Licensing Electronic Support System (BLESS)                                       | Puan Zainiyah Binti Mohd Zaki<br>03-8872 6508<br>zainiyah@icu.gov.my           |                                                             |
| 55. Sistem Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas urusan Persendirian (eVisit) | Juraimi Binti Ghazali<br>03-88726481<br>juraimi@icu.gov.my                     |                                                             |
| 56. UCMe-Tube                                                                                  | Liyana Safra Binti Zaabar<br>03-88726552<br>liyana.zaabar@icu.gov.my           | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia |
| 57. Digital Document Management System (DDMS)                                                  | Norzaman Bin Nordin<br>03-8875 2037<br>norzaman@mampu.gov.my                   |                                                             |
| 58. 1MOCC                                                                                      | Mohammad Rafie Bin Abdul Majid<br>03 8000 8000<br>mohammad.raffie@1mocc.gov.my |                                                             |
| 59. Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan / Government Public Key Infrastructure (GPKI)   | Puan Siti Hawa Binti Mahadi<br>03 88725106<br>hawa@mampu.gov.my                |                                                             |
| 60. Government Regional Electronic Advancement Transformation (GREAT) Fasa 1                   | Alizah Binti Hasan<br>03 88725181<br>alizah@mampu.gov.my                       |                                                             |
| 61. Malaysia Trustmark Sektor Awam (MTSA)                                                      | Cik Nora Binti Salleh<br>03 88727465<br>aciknora@mampu.gov.my                  |                                                             |
| 62. Projek Peluasan myIDENTITY                                                                 | Nor Rashidah Binti Mohd Nor<br>03 88725058<br>syda@mampu.gov.my                |                                                             |
| 63. Projek IPv6 Sektor Awam                                                                    | Siti Mariam Binti Shahrar<br>03 88723140<br>mariam@mampu.gov.my                |                                                             |
| 64. SistemPengurusanPelabur (IMS)                                                              | Kamarulzaman bin Mat Zain<br>03-8892 7456<br>kamarulzaman@mampu.gov.my         |                                                             |
| 65. Pelaksanaan Enterprise Architecture ke Arah Organisasi Agile dan Lestari                   | AzizahBinti Hamzah<br>03-88723312<br>azizah@epu.gov.my                         | Unit Perancang Ekonomi JPM                                  |



Jabatan Perdana Menteri



Bahagian Kabinet,  
Perlembagaan dan  
Perhubungan Antara  
Kerajaan



Bahagian  
Penyelidikan



Suruhanjaya  
Pelantikan  
kehakiman



Pejabat ketua  
Pendaftar  
Mahkamah  
Persekutuan




Lembaga  
Penasihat





Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the top left corner of the page.

# **BAB 2**

Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the bottom right corner of the page.

**Jabatan : Bahagian PERMATA**  
**Projek : Pelajar Anak PERMATA Negara (e-PAPN)**

e-PAPN ialah sistem yang merangkumi pelaksanaan kepada konsep pendaftaran pelajar anak PERMATA Negara secara *online* (e-PAPN).

Komponen pembangunan dan fungsi utama di dalam Sistem e-PAPN mempunyai jejak audit (*audit trail*) bagi membolehkan pentadbir sistem membuat *tracking* pengguna *backend* yang telah memasuki sistem (oleh siapa, masa *login*, *logout*) seperti maklumat yang ditambah, dikemas kini, dibuang dan sebagainya. Sistem yang dibangunkan juga mempunyai ciri dan fungsi pendaftaran *online* bagi pengguna baru dan pengguna luar yang terdiri daripada ibu bapa dan pengguna dalaman yang terdiri daripada kakitangan Bahagian Permata.

| No | Numur Pendaftaran | Tarikh Pendaftaran | No. MyKID    | Nama Pelajar                           | Puan PAPN                        |
|----|-------------------|--------------------|--------------|----------------------------------------|----------------------------------|
| 1  | PAPN-2014-00001   | 25-08-2014         | 12042700011  | MUHAMMAD ADAM RAHID BIN SARIF MOHAMMAD | Puan Anak PERMATA SELASA Berling |
| 2  | PAPN-2014-00002   | 25-08-2014         | 120124-09-00 | ENRUL NADZ RAYHAN                      | Puan Anak PERMATA SELASA Berling |
| 3  | PAPN-2014-00007   | 25-08-2014         | 12041300000  | NUK ADILA BTI AB KADHAN                | Puan Anak PERMATA SELASA Berling |
| 4  | PAPN-2014-00004   | 25-08-2014         | 120113-09-00 | UMAR DARUL                             | Puan Anak PERMATA SELASA Berling |
| 5  | PAPN-2014-00005   | 25-08-2014         | 12011300004  | NUK ALIN LARIS BINTI MUHAMMAD BAHARU   | Puan Anak PERMATA SELASA Berling |

**BORANG PERMOHONAN**


**A. Butiran Maklumat Anak**

No. MYKID/Sijil Kelahiran  \* Tanda (-) tidak perlu dimasukkan.

Tarikh Lahir Anak

Warganegara Malaysia ☐ Ya ☐ TIDAK

**Simpan & Seterusnya** **Isi Semula**



## Ciri-Ciri keselamatan sistem e-PAPN

### Pengesahan Akses

Pengesahan akses adalah proses mengesahkan identiti pengguna. Kaedah yang digunakan adalah ID *username/login* dan kata laluan yang disimpan dalam jadual pengguna pangkalan data (RDBMS).

### Web Server Authentication

Sistem e-PAPN menggunakan mekanisme pengesahan Lapisan Soket Selamat (SSL) atau HTTPS. Konsep ini telah menjadi standard di dalam pelaksanaan persekitaran penggunaan aplikasi berasaskan web yang selamat.

### Application Authentication

Pengesahan permohonan bergantung pada kod aplikasi dan logik untuk melaksanakan pengesahan. Sistem dapat menjana laporan melalui suatu antara muka mudah yang membolehkan pengguna memaparkan dan memuat turun laporan kepada format tertentu. Contoh format yang biasa digunakan ialah seperti *Microsoft Excel*, PDF dan lain-lain





|         |                    |
|---------|--------------------|
| Jabatan | : Bahagian PERMATA |
| Projek  | : PERMATA Q        |

Pihak PERMATA Negara telah membangunkan instrumen PERMATA Q untuk dijadikan sebagai penanda aras kualiti pendidikan awal kanak-kanak Malaysia bagi kanak-kanak yang berusia 0 bulan hingga empat tahun. Instrumen ini memandu dan menyokong pengusaha TASKA dalam menyediakan persekitaran TASKA yang berkualiti dan amalan asuhan dan didikan terbaik demi untuk mempertingkatkan prestasi pendidikan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Dalam hal ini, sebarang tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan TASKA mencapai tahap perkhidmatan yang berkualiti.



Instrumen ini mengandungi enam (6) *standard* penilaian yang merangkumi aspek kurikulum, kesihatan, pemakanan dan keselamatan kanak-kanak, interaksi antara pendidik dan kanak-kanak, pembangunan profesional dan pembelajaran, kolaborasi dan pengurusan dan TASKA.



Instrumen ini telah diuji rintis di beberapa TASKA pelbagai agensi, iaitu Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Universiti Putra Malaysia (UPM), *National Child Development Centre (NCDRC)* dan TASKA Sri Sejahtera (TASKA Tempat Kerja) untuk melihat tahap pelaksanaannya. Hasil daripada maklum balas terhadap uji rintis yang dijalankan, pihak PERMATA Negara telah menambah baik instrumen ini dan disemak oleh panel pakar dari dalam dan luar negara yang dilantik .

|                |                                       |
|----------------|---------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Bahagian Pengurusan Hartanah</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: E-Temuanji</b>                   |


Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) telah memperkenalkan sistem e-temu janji yang membantu mempercepatkan dan memudahkan urusan mengosongkan rumah kerajaan. Sistem ini dibangunkan setelah analisis menyeluruh dan terperinci terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh BPH untuk memenuhi keperluan pelanggan dan *stakeholders*. Kaedah ini juga dapat mengurangkan kebarangkalian punca bagi masalah-masalah seperti berikut:

1. Kelewatan menyerahkan kunci
2. Ingkar mengosongkan kuarters
3. Penghuni tidak tahu prosedur
4. *Walk-in* di kaunter tanpa temu janji
5. Borang manual yang tidak efisien dan efektif

e-temujanji merupakan perisian yang dibangunkan 100 peratus menggunakan visual studio 2010 dan menggunakan teknologi asp net model view. Ia dapat memastikan penghuni kuarters memulangkan kunci dan dokumen berkaitan berdasarkan tarikh temujanji yang telah ditetapkan. Notifikasi e-mel pemakluman akan dihantar kepada pemohon dan penyelia bagi setiap permohonan e-temujanji yang berjaya didaftarkan.

Sistem ini dapat memastikan prosedur dan penyelarasan makluman dapat dilakukan secara sistematik dan menjimatkan masa. Ia juga dapat mengelakkan masalah pertindihan maklumat permohonan serta mampu mengurangkan tugas pegawai penyelarasa di BPH. Sistem ini telah memberi faedah kepada penghuni dan penyelia seperti maklumat berikut:

#### Peranan e-Temuanji kepada Penghuni dan penyelia



## FAEDAH PROJEK

- Mempercepatkan dan memudahkan urusan mengosongkan rumah kerajaan.
- Membudayakan penghuni rumah kerajaan untuk menggunakan aplikasi inovasi yang dibangunkan oleh BPH.

Borang permohonan temujanji serah kunci

Tarikh & Masa  [Klik disini](#)

Nama

No. Kad Pengenalan  (Seperti kad pengenalan)  
(Contoh : 999999-99-9999)

Alamat kuarters yang akan diserahkan

No. Tel. Pejabat

No. Tel. Simbit

Emel  [Tiada Email](#)

[Hantar](#)

Klik butang Cetak untuk cetak pengesahan temujanji.

Klik Alamat kuarters tidak sama dengan alamat sebenar jika alamat kuarters yang dipaparkan tidak sama

Pemohon perlu memasukkan alamat terkini di ruangan No.Rumah, Lokasi, Jalan dan Poskod yang terkini. Klik butang OK.

Klik Alamat Terkini Pusat Tanggungjawab (PTA) jika berlainan dengan di atas.

Sistem berikut akan dipaparkan:  
Pemohon perlu mengisi ruangan Kementerian, Jabatan, Bahagian, Jalan, Poskod, Negeri, No. Telefon Pejabat dan No.Faks Pejabat. Klik butang Hantar.



|                |                                          |
|----------------|------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Bahagian Penyelidikan</b>           |
| <b>Projek</b>  | <b>: Latest Information System (LIS)</b> |

*Latest Information System (LIS)* dibangunkan untuk membantu pegawai Bahagian Penyelidikan mendapatkan maklumat terkini seperti berita, artikel dan tinjauan pendapat daripada pelbagai sumber di internet. Selain maklumat berbentuk berita terkini, LIS juga memaparkan tajuk terhangat (*most hit*) dan *trend* perbincangan isu (*trending issue*) di laman sosial seperti Facebook (*FB*) dan Twitter. LIS merupakan satu sistem berasaskan web yang dibangunkan sepenuhnya secara dalaman (*in-house*) dan mengutamakan segmen carian berkaitan isu semasa, politik, nasional dan ekonomi. Pembangunan LIS mengambil kira persekitaran semasa yang memerlukan pengumpulan maklumat dari sumber terbuka yang cepat dan cekap kepada semua pegawai di JPM. LIS menyokong perkhidmatan teras JPM dalam memberi informasi terkini berkaitan isu semasa dalam dan luar negara berdasarkan sumber terbuka. Berdasarkan tahap penggunaan dari Januari 2015 sehingga Jun 2015 didapati 70 peratus pegawai menggunakan LIS untuk memperolehi maklumat dan 80 peratus maklumat LIS telah digunakan untuk membuat analisis semasa.

## OBJEKTIF

|                             |                                                                                                                           |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Kemudahan</b>            | Meningkatkan kemudahan pegawai terhadap maklumat terkini dan isu-isu hangat yang berlaku dalam dan luar negara.           |
| <b>Produktiviti</b>         | Meningkatkan tahap produktiviti pegawai mengikut kehendak pihak pengurusan dan pelanggan ( <i>stakeholders</i> ).         |
| <b>Penyampaian Maklumat</b> | Menguatkan aspek sistem penyampaian maklumat dan isu terkini melalui saluran yang mudah dan cepat.                        |
| <b>Penyebaran Maklumat</b>  | Mewujudkan sistem penyebaran maklumat yang responsif kepada pihak pengurusan atasan dan pelanggan ( <i>stakeholder</i> ). |

Fungsi utama LIS adalah untuk menganalisa laman-laman yang dipantau dengan kekerapan 15 minit sekali bagi sesuatu isu terkini dan *trending*. Seterusnya jika terdapat berita terkini LIS akan memeriksa jika ada perkongsian (*sharing*) di dalam media sosial seperti *FB*, *Twitter* dan *GooglePlus*. LIS akan mengira tahap populariti berita atau isu yang dipantau berdasarkan algoritma yang diberikan. Penekanan utama LIS adalah terhadap paparan dua seksyen utama iaitu seksyen terhangat (*Hot Section*) dan seksyen baru (*New Section*). Seksyen terhangat (*Hot Section*) akan memaparkan berita yang mempunyai jumlah perkongsian yang tertinggi manakala seksyen baru (*New Section*) pula memaparkan berita-berita yang terkini.

## FAEDAH PROJEK:

- Maklumat boleh di akses dimana sahaja.
- Penutupan bilik internet di setiap aras di JPM.
- Penggunaan aset pejabat seperti komputer, meja dan kerusi dapat dimanfaatkan pada para pegawai dan kakitangan yang lain.
- Penggunaan sistem LIS boleh diubahsuai mengikut kehendak dan citarasa agensi / jabatan lain tanpa melibatkan kos yang tinggi.

|                |          |                                                                                                   |
|----------------|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>:</b> | <b>Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan</b>                             |
| <b>Projek</b>  | <b>:</b> | <b>Sistem Pengemaskinian Maklumat Anggota Pentadbiran / Pegawai Kanan Kerajaan Laman Web BKPP</b> |

Sistem Pengemaskinian Maklumat Anggota Pentadbiran/Pegawai Kanan Kerajaan Laman Web BKPP yang disediakan oleh Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP) adalah untuk kegunaan pegawai BKPP melaksanakan pengemaskinian senarai maklumat Anggota Pentadbiran serta Pegawai Kanan Kerajaan yang dipaparkan di Portal Rasmi BKPP. Inisiatif ini dilaksanakan berdasarkan maklum balas pengguna yang ingin mendapatkan maklumat sah mengenai senarai Anggota Pentadbiran serta Pegawai Kanan Kerajaan. Selain itu, portal rasmi BKPP turut menjadi

rujukan utama kepada kementerian dan agensi pusat, 13 Pejabat SUK Negeri serta agensi-sgensi lain termasuk agensi swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) serta orang awam. Ia dibangunkan secara dalaman menggunakan perisian sumber terbuka iaitu PHP dan MySQL.



Sistem ini dapat mempercepatkan proses pengemaskinian maklumat Anggota Pentadbiran dan Pegawai Kanan Kerajaan dalam masa 1 hari bekerja selepas pelantikan dibuat. Sistem ini juga dapat mengatasi masalah kesilapan ejaan dan maklumat Anggota Pentadbiran dan Pegawai Kanan Kerajaan seperti gelaran, nama, jawatan dan alamat kementerian dan memudahkan susunan kekananan anggota pentadbiran dan pegawai kanan kerajaan dengan lebih cepat dan berkesan.

| Impak sebelum dan selepas inisiatif Sistem Pengemaskinian Maklumat Anggota Pentadbiran/Pegawai Kanan Kerajaan Laman Web BKPP       |                                                                                                                                                                     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Sebelum                                                                                                                            | Selepas                                                                                                                                                             |
| Masa yang lama diambil untuk membuat pengemaskinian. Proses pengemaskinian maklumat ini memakan masa 2 hari bekerja.               | Mempercepatkan proses pengemaskinian kepada satu hari bekerja selepas perantikan dibuat.                                                                            |
| Wujud kesilapan manusia ( <i>human error</i> ) dalam proses pengemaskinian maklumat, antaranya ralat menaip ( <i>typo error</i> ). | Mengatasi masalah kesilapan ejaan dan seperti gelaran, nama, jawatan dan alamat kementerian.                                                                        |
| Terdapat ralat semasa proses pengemaskinian kekananan Anggota Pentadbiran serta Pegawai Kanan Kerajaan.                            | Membantu pegawai menyusun kekananan dengan mudah, cepat dan berkesan di samping menjaga dan mengekalkan maklumat berprofil tinggi serta sensitiviti pelbagai pihak. |

|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan, JPM</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Integrasi Bahagian Kabinet</b>                                   |

Sistem Integrasi Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara kerajaan (iBKPP) merupakan satu sistem bersepadu yang dibangunkan secara dalaman oleh Unit Teknologi Maklumat, BKPP menggunakan perisian terbuka. iBKPP menggabungkan enam sistem dalaman BKPP dengan menggunakan single *sign-on* yang turut dilengkapi dengan fungsi pemberitahuan bagi membolehkan maklumat atau tindakan dihantar terus kepada pegawai terlibat melalui e-mel secara automatik.

iBKPP dibangunkan untuk mengatasi masalah dalam mengingati kata nama dan kata laluan yang banyak, mengurangkan bebanan kognitif pegawai memantau sistem berlebihan, meningkatkan keselamatan maklumat dan mengurangkan masalah pengulangan maklumat. Di samping itu iBKPP dapat menjimatkan ruang penyimpanan, memudahkan penyelenggaraan dan meningkatkan prestasi sistem sedia ada. Pelaksanaan iBKPP telah berupaya meningkatkan sistem penyampaian dalaman BKPP dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan BKPP dengan pengoptimuman penggunaan ICT dalam pengurusan.




Modul iBKPP terdiri daripada e-direktori, log kursus latihan, log keluar pejabat, log kerja lebih masa, tuntutan honorarium dan tempahan kenderaan. Pelaksanaan iBKPP telah meningkatkan kecekapan dalam pengurusan masa dan kos.



|                |                                                     |
|----------------|-----------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Invois</b>                              |

Sistem Invois dihasilkan bagi menyelaraskan tatacara pengeluaran invois di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Sistem ini diwujudkan setelah mendapati pegawai menghadapi masalah untuk menjejaki invois yang telah dikeluarkan dan menyebabkan hasil tidak dapat dikutip. Inisiatif ini dapat memudahkan pengeluaran invois secara sistematik mengikut turutan nombor. Ia juga menyelaraskan invois antara unit-unit dan program-program bagi memudahkan pemantauan kutipan hasil.



Sistem Invois membolehkan maklumat dikesan secara pantas, malah memiliki keupayaan penyimpanan data secara berterusan. Semua maklumat yang terkandung dalam Sistem Invois mempunyai keselamatan perlindungan maklumat dan fungsi tambahan iaitu penyediaan nota debit atau nota kredit. Sistem ini menggunakan asas platform perisian Microsoft Office Excel yang sudah tersedia di kebanyakan sistem operasi komputer dan boleh dicapai di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pembangunan sistem ini tidak melibatkan kos tambahan, sedia digunakan secara serta-merta dan mudah dikendalikan.

Pelaksanaan sistem ini dapat memberi faedah kepada pegawai kerana pencarian maklumat dilakukan dengan cepat dan tepat. Hasilnya, tugas harian pegawai dapat dipermudahkan dan mengelakkan kecuai dalam melaksanakan prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.



Jabatan : Jabatan Audit Negara

Projek : AKSI

Jabatan Audit Negara telah membangunkan projek AKSI untuk memberi nilai tambah dalam penyediaan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Projek ini dapat menghasilkan analisis yang tepat dalam menjamin akauntabiliti serta integriti profesion juruaudit. Selain daripada berjaya mengukuhkan visi, misi dan piagam pelanggan jabatan, projek ini telah menyelesaikan masalah kesukaran analisis kewangan syarikat untuk LKAN. Penggunaan masa dapat diijimatkan selama 2 hari atau 87 peratus malah kesilapan dalam pemindahan data dan analisis kewangan dapat dikurangkan dan dijalankan secara automatik. Penambahbaikan ini dapat melancarkan tugas-tugas juruaudit untuk menganalisis data dengan mudah, cepat dan tepat sekaligus dapat meningkatkan hasil kualiti kerja yang seragam.



#### FAEDAH PROJEK

Mengatasi Masalah Kesukaran Analisis Kewangan Syarikat Bagi Laporan Ketua Audit Negara.

```
===== MENU ANALYSIS SYARIKAT ===== BAHAGIAN SYARIKAT =====  
  
A  SENARAI SYARIKAT  
B  PENDAPATAN  
C  KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI  
D  ASET  
E  LIABILITI  
F  DANA PEMEGANG SAHAM  
G  PULANGAN ATAS EKUITI (ROE)  
H  DIVIDEN  
I  CUKAI  
  
Z  Senua Analisis  
R  Lihat Output Yang Dihasilkan  
Q  Keluar Dari MENU  
  
=====PILIH ANALISIS SYARIKAT:=====
```

9 KATEGORI ITEM

**Jabatan : Jabatan Bantuan Guaman**  
**Projek : Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman Atas Talian**

Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman Atas Talian yang dibangunkan secara dalaman oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) merupakan aplikasi yang digunakan oleh Jabatan untuk menentukan kelayakan sumber kewangan dan merit kes bagi seseorang pemohon dalam mendapatkan bantuan guaman daripada JBG.

**Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman**

**A. Gaji ( Gaji Pokok + Elaun bulanan )**

Pendapatan Bulanan:

RM  x12 bulan = RM  (kosongkan)

**B. Pendapatan Lain**

a. Sewaan, pajakan ( rumah, tanah, dan lain-lain )  
b. Syer ( contoh: ASB, ASN, Sijil Simpanan Premium BSN )  
c. Apa-apa sumber pendapatan lain ( jika ada )

RM  x12 bulan = RM  (kosongkan)

Kira Batal RM

Punca pendapatan seseorang pemohon yang perlu diambil kira bukanlah semata-mata tertakluk kepada gaji pemohon tetapi juga pendapatan lain yang boleh memberi sumber kewangan kepada pemohon tersebut dalam masa setahun.

Formula pengiraan sumber kewangan pemohon adalah seperti berikut:

**Sumber kewangan = gaji setahun (gaji pokok + elaun bulanan) + sumber pendapatan lain**

Sumber pendapatan lain yang diambil kira dalam ujian kelayakan ini adalah termasuk:

- Sewaan/pajakan (rumah, tanah dan lain-lain);
- Saham (contoh: ASB, ASN, Sijil Simpanan Premium BSN dan lain-lain);
- Simpanan (Semasa/Tetap);
- Pencen; dan
- Sumber pendapatan lain (contoh: sumbangan anak-anak, bantuan JKM)

Bagi memudahkan pemohon mengetahui kelayakan bantuan guaman, Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman Atas Talian boleh dicapai menerusi portal JBG pada bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, keputusan Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman Atas Talian tidak dianggap sebagai satu-satunya kelayakan muktamad dan pemohon boleh menghubungi cawangan JBG yang berhampiran untuk mendapatkan keterangan lanjut.



**Jabatan : Jabatan Bantuan Guaman**  
**Projek : JBG4U**

Aplikasi JBG4U merupakan satu projek aplikasi yang telah dibangunkan secara dalaman oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Aplikasi ini bertujuan untuk memudahkan pengguna portal JBG mengemukakan pertanyaan kepada JBG. Melalui aplikasi ini, maklum balas yang ringkas dan padat terhadap pertanyaan daripada pengguna portal dapat diberikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Aplikasi JBG4U juga dapat mencapai kepuasan pelanggan melalui proses pertanyaan dan maklum balas yang dilaksanakan secara dalam talian sekaligus membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat seperti yang dikehendaki.

ePerkhidmatan

Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman

SPK-JBG (Aplikasi Dalaman)

Pegum Panel

Maklum Balas Portal (JBG4U)

Borang Maklum Balas

Semakan Maklum Balas

Laporan Penggunaan Aplikasi Dalam Talian

Aduan Awam

JBG4U - Borang Maklum Balas

Aplikasi maklum balas JBG4U ini adalah bertujuan bagi memudahkan pengguna Portal Rasmi Jabatan Bantuan Guaman dalam memberi cadangan, penghargaan dan aduan kepada Jabatan.

"Hasilrat undang-undang hanya boleh diberikan secara lisan dan secara bersenmuka dengan kehadiran pemohon sebagaimana peruntukan seksyen 29 Akta Bantuan Guaman 1971. Tawajjutan boleh hadir ke Cowangran JBG yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat; nasihat; dengan membawa dokumen lengkap berkaitan dengan masalah undang-undang yang dihadapi."

Nama: \*

E-mel: \*

No. Telefon:

Kategori: \*

Pilih Kategori

Pericara: \*

Keterangan: \*

JBG4U - Semakan Status Maklum Balas

E-mel:\*

No. Rujukan:\*

Hantar

Bilangan Transaksi : 264

|                |                                 |
|----------------|---------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Bantuan Guaman</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Bank Hujah</b>             |

Bank Hujah merupakan suatu aplikasi dalam talian yang menggunakan *Google Drive*. Aplikasi ini mengandungi koleksi contoh-contoh hujah dan autoriti mengikut jenis kes syariah yang dikendalikan oleh JBG sebagai pemusatan data dan maklumat. Contoh hujah telah disediakan dalam bentuk draf dan boleh dimuat turun. Maklumat dalam aplikasi boleh diubah mengikut kesesuaian fakta kes sebenar yang dikendalikan oleh pegawai JBG. Autoriti-autoriti pula telah disediakan dalam format PDF dan tidak boleh dipinda. Autoriti hanya boleh dimuat turun dan disimpan ke dalam komputer pegawai dan boleh dicetak mengikut kesesuaian kes.

Bank Hujah ini diwujudkan sebagai salah satu inisiatif Jabatan dalam mengambil langkah inovatif dan kreatif bagi menjimatkan masa dan kos dalam mengendalikan proses penyediaan hujah untuk kes-kes syariah.



**Jabatan : Jabatan Insolvency Malaysia**

**Projek : *Insolvency Notification System*/Sistem Notifikasi Insolvency**

Sistem Notifikasi Insolvency atau lebih dikenali sebagai *Insolvency Notification System (INS)* dibangunkan bagi menggantikan surat pertama yang dihantar secara pos (manual) kepada pihak bank setelah individu diisytihar sebagai bankrap atau setelah sesebuah syarikat digulung oleh mahkamah. Inisiatif ini dilaksanakan setelah mendapati proses kerja sebelum ini mengambil tempoh yang panjang dan rumit. Ia menyebabkan surat yang dihantar melalui pos mengambil tempoh masa selama beberapa hari untuk sampai kepada penerima. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi) telah membangunkan *INS* yang memudahkan pihak bank/institusi kewangan memperolehi maklumat yang diinginkan melalui portal Mdi dalam masa yang singkat.



Melalui sistem ini, pihak bank akan dimaklumkan tentang status kebangkrutan individu dan syarikat yang digulung secara dalam talian. Sistem *INS* berfungsi menarik (*extract*) data bankrap serta penggulungan syarikat secara *real-time* dari sistem utama jabatan (CMS) yang digunakan bagi pengendalian kes. Senarai nama individu yang diisytihar bankrap dan syarikat yang digulung oleh mahkamah akan dipaparkan dalam portal Mdi agar pihak bank atau institusi kewangan yang ingin mengambil tindakan susulan terhadap akaun individu bankrap dan syarikat yang digulung dapat memperolehi maklumat atau status kebangkrutan dengan tepat dan pantas. Ia juga membantu pihak bank bertindak dengan cepat menghantar baki akaun individu dan syarikat yang bankrap kepada Mdi selepas penutupan akaun. Semua maklumat akan dimuat naik oleh Mdi dalam tempoh 24 jam selepas mendapat perintah daripada Mahkamah.

*INS* telah dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan *hypertext preprocessor (php)*. Sistem ini dapat menjimatkan kos, masa dan menambah baik aliran proses kerja yang sedia ada.


**22 institusi perbankan mengguna pakai *INS* sejak 1 Januari 2014**





**Jabatan** : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
**Projek** : DASHBOARD JAKIM

Dashboard JAKIM merupakan salah satu aplikasi yang memberi kemudahan kepada pihak pengurusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan maklumat atau status pelaksanaan program dan aktiviti. Ia adalah medium pelaporan mengenai status, statistik serta *output* aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh JAKIM. Sebelum ini, kebanyakan maklumat yang diperlukan oleh pihak pengurusan mengambil tempoh yang panjang untuk disediakan oleh pegawai. Ia disebabkan oleh dokumen hanya dapat dicapai secara fizikal atau data di dalam sistem yang memerlukan pengasingan dan penyusunan semula. Penggunaan fail-fail yang banyak menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan sesuatu data malah maklumat yang disediakan berkemungkinan disediakan secara tidak tepat. Penyediaan Dashboard JAKIM membolehkan pihak pengurusan melaksanakan pemantauan dan perolehan maklumat secara sistematik dan cepat agar setiap keputusan dan pemakluman dapat disampaikan kepada *stakeholders* secara relevan.



Maklumat yang dimuat naik ke dalam sistem ini diperolehi daripada Bahagian-Bahagian di JAKIM. Dashboard ini terdiri daripada pelbagai modul iaitu Modul Halal, Modul Pendidikan Islam, Modul Ikhtisas, Modul Kewangan, Modul Sumber Manusia, Modul Mesyuarat Utama, Modul KPI, Modul Sasaran Kerja Strategik dan Modul Imam & Masjid.

## OBJEKTIF

Memberi kemudahan terutamanya kepada pihak pengurusan JAKIM dalam menyediakan laporan dan memberikan maklumbalas terhadap sesuatu isu yang memerlukan data dan statistik.

Memudahkan pengurusan tertinggi JAKIM mengetahui sesuatu data dan maklumat secara atas talian.

Memudahkan paparan data yang berkaitan dengan pencapaian, pengurusan dan isu-isu semasa JAKIM.

Menyelesaikan permasalahan dapatan laporan-laporan penting yang tidak dapat dicapai dengan pantas, tepat dan terkini.

Menyediakan alternatif laporan, jawapan dan penyelesaian kepada isu-isu politik global, antara-agama, sosio-ekonomi dan spiritual secara atas talian.

Merupakan platform media data berpusat bagi keseluruhan JAKIM.


Selaras dengan kemajuan teknologi ICT yang sedia ada, Dashboard adalah aplikasi yang dianggap paling sesuai bagi memaparkan maklumat bagi teras perkhidmatan yang disampaikan oleh JAKIM. Ia adalah maklumat berpusat mengenai JAKIM yang boleh dicapai oleh pihak pengurusan pada bila-bila masa dan di mana-mana jua. Dashboard JAKIM telah memberi impak yang besar serta kredibiliti Jabatan seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan JAKIM dalam menyediakan laporan lengkap dan terkini.

**Jabatan** : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
**Projek** : Halal Square & Halal Inside

Kepentingan dan Integriti Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) perlu dipelihara untuk memberi keyakinan kepada pengguna. Dalam hal ini, JAKIM selaku badan autoriti telah memperkenalkan aplikasi *Halal-Inside* dan *Halal-Square*. Ia menggunakan teknologi *Near Field Communication* (NFC), geo-lokasi, dan aplikasi alat mudah alih yang dapat memastikan ketulenan informasi berkenaan sijil halal di premis yang dikawal selia sepenuhnya oleh JAKIM.



Aplikasi *Halal-Inside* dan *Halal-Square* merupakan projek kerjasama yang dilaksanakan melalui program *Nasional Blue Ocean Strategy* (NBOS) antara JAKIM dan *Malaysia Microelectronic Solution Sdn Bhd* (My-MS). Pembangunan aplikasi ini telah dilakukan secara berperingkat dan diuji cuba dalam pelbagai versi sehingga ia dapat diterima pakai dan dilancarkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom pada 26 Mac 2013. Ia merupakan pembangunan aplikasi pertama di dunia yang melibatkan cip pintar di dalam SPHM dan platform terkenal telefon pintar seperti Android, iOS dan Windows serta telah mendapat perhatian dari badan pensijilan halal dari luar negara iaitu Jepun dan Amerika Syarikat. Projek ini juga telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya pemilik premis yang mendapat peluang pemasaran menerusi aplikasi *Halal-Inside*.



## OBJEKTIF

---


-  Melalui teknologi NFC, proses pengesahan sijil lebih baik dalam menghapuskan masalah pemalsuan SPHM. Ini akan menjamin premis makanan tersebut berstatus halal kepada orang ramai.
-  Pelaksanaan teknologi NFC bersama aplikasi telefon pintar / rangkaian sosial memberi faedah kepada pemilik premis halal yang mempunyai SPHM kerana kelebihan peluang pemasaran yang terdapat di dalam sistem aplikasi.
-  Platform rangkaian sosial untuk mod komunikasi dan iklan khusus yang berkaitan dengan isu pensijilan halal.
-  Manfaat bagi pengguna dan pemilik premis halal dalam menggunakan teknologi GPS geo- lokasi untuk mencari atau mempromosi lokasi terdekat yang berstatus halal.

Penggunaan aplikasi itu yang membolehkan pengesanan awal dilakukan melalui telefon pintar dari sejauh 500 meter, juga mampu mengesan sebarang penipuan membabitkan sijil halal kerana pengguna boleh melakukan semakan melalui teknologi terbabit. Ia juga dapat memberi pelbagai informasi mengenai pemilik premis melalui maklum balas dan platform rangkaian sosial yang disediakan dalam mod komunikasi. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu pihak penguat kuasa halal mengesan salah guna sijil halal di samping dapat mengekalkan imej JAKIM sebagai badan utama pensijilan halal di Malaysia.




|                |                                             |
|----------------|---------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia</b>    |
| <b>Projek</b>  | <b>: Soal Jawab Kemusykilan Agama JAKIM</b> |


Soal Jawab Kemusykilan Agama JAKIM dibangunkan bagi menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk mengemukakan soalan-soalan agama kepada pihak-pihak tertentu yang mempunyai autoriti dalam bidang berkaitan. Semua pertanyaan yang dikemukakan akan disemak terlebih dahulu oleh panel-panel dalaman atau luaran yang telah dilantik mengikut pengkhususan dan kepakaran. Sistem ini dibangunkan bagi meningkatkan pengurusan soal jawab agama dan menyediakan ruang bagi memenuhi tuntutan masyarakat dalam mengemukakan sebarang persoalan berkaitan agama. Soal Jawab Kemusykilan Agama JAKIM terdiri dari modul pengurusan soal jawab dan portal koleksi kemusykilan agama. Ia juga memberi kemudahan kepada masyarakat untuk melihat koleksi persoalan yang telah dijawab dan kemudahan untuk mengemukakan pertanyaan.



Kebiasaannya, kumpulan panel akan mengadakan musyawarah (perbincangan) untuk mencari kaedah penyelesaian melalui penganjuran bengkel. Semua soalan dan jawapan yang telah diselesaikan akan disiarkan melalui portal. Bagi persoalan yang memerlukan perbincangan dari kalangan panel, kaedah penyelesaian secara bengkel akan diadakan. Persoalan yang telah dijawab akan disiarkan melalui portal sebagai koleksi kemusykilan agama.



Sistem ini turut menyediakan kemudahan bagi pihak panel untuk mengadakan perbincangan secara maya, menjawab persoalan dan mencetak laporan. Platform ini bukan sahaja menjimatkan masa malah turut dapat menyelesaikan persoalan agama secara cepat, tepat dan sistematik.



Soal Jawab Kemusykilan Agama JAKIM ini dapat menguruskan persoalan dan jawapan secara sistematik. Kemudahan ruang perbincangan panel secara maya dapat meningkatkan kecekapan dalam menjawab sebarang persoalan dengan cepat, tepat dan berkesan. Sistem ini juga tiada batasan waktu untuk digunakan dan mudah dicapai menerusi internet dan telefon pintar. Koleksi kemusykilan Agama hanya memaparkan soal jawab yang bersifat umum. Walau bagaimanapun, soalan yang dibangkitkan daripada individu akan diselesaikan secara terus dengan individu tersebut.

Sistem ini dapat membantu masyarakat umum mendapatkan pencerahan mengenai kekeliruan dalam kehidupan seharian. Ia dilihat sebagai inisiatif yang sangat relevan dengan konteks semasa yang dapat memenuhi ekspektasi masyarakat dari pelbagai peringkat umur dengan kemudahan maklumat di hujung jari. Ciri-ciri yang dibangunkan dalam sistem ini berupaya membina imej pusat rujukan Islam setempat yang unggul dan hab pembelajaran agama paling utama dan menyeluruh.

|         |   |                                  |
|---------|---|----------------------------------|
| Jabatan | : | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  |
| Projek  | : | Sistem Pensijilan Halal Malaysia |

MYeHALAL merupakan suatu aplikasi menyeluruh bagi menyokong Pensijilan Halal Malaysia. Ia juga merupakan elemen penting dalam kejayaan penyelarasan dan penyeragaman Pensijilan Halal Malaysia antara Persekutuan dan negeri-negeri melalui JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri/ Majlis Agama Islam Negeri. MYeHALAL dibangunkan bagi menyediakan kemudahan permohonan Pensijilan Halal Malaysia secara dalam talian melalui satu sistem tunggal. Ia dapat meningkatkan kecekapan pengurusan permohonan pensijilan Halal Malaysia serta kemudahan pusat rujukan setempat termasuk portal dan direktori lengkap pensijilan halal.





Pangkalan data pensijilan Halal Malaysia telah menjadi rujukan utama bagi agensi-agensi berkaitan dalam memperkasakan ekosistem industri halal negara. Kandungan yang dipaparkan dalam Direktori Halal Malaysia turut termasuk senarai pemegang Sijil Halal Malaysia, produk yang disahkan, *outlet* premis makanan dan rumah sembelihan. Pengguna juga boleh menggunakan kemudahan semakan melalui gerbang SMS kerajaan serta aplikasi mobil-MyJakim.



Projek ini telah membantu usaha penyeragaman dan penyelarasan pensijilan halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia. Ia dapat memberi nilai tambah kepada inovasi yang dihasilkan oleh JAKIM dengan memberi kemudahan untuk syarikat mengemukakan permohonan secara dalam talian di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pensijilan halal di Malaysia yang diuruskan secara sistematik dan cekap dapat membantu penerimaan pensijilan halal Malaysia di peringkat global khususnya di negara timur tengah. Penerimaan ini dapat menjana ekonomi negara dengan meningkatkan kepercayaan pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam sektor halal di negara ini.

|                |                                                                       |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia</b>                           |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan JKSM (SPPK) Versi 2</b> |

Sistem Pertukaran Pegawai dan Kakitangan (SPPK) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merupakan aplikasi berasaskan web bagi mengurus permohonan pertukaran warga JKSM secara mudah dan efisien. SPPK dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) dengan kerjasama Seksyen Perkhidmatan dan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Projek ini telah dilancarkan pada 1 Julai 2012 serta telah ditambah baik melalui peningkatan SPPK versi 2 pada Mei 2014. Kedua-dua versi ini dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman dengan *open source*.

Penggunaan sistem ini turut boleh diguna pakai oleh warga JKSM yang ingin memohon pertukaran secara dalaman. Usaha ini dilihat selaras dengan langkah kerajaan dalam mentransformasikan perkhidmatan sedia ada ke perkhidmatan elektronik. SPPK turut berjaya meminimumkan penggunaan kertas, menjadikan rekod permohonan dan pertukaran diuruskan secara sistematik dan cepat dan mudah dicapai.

**Info SPPK**

**PENGUMUMAN**

- SPPK adalah sistem pengurusan pertukaran pegawai dan kakitangan di JKSM. Sistem ini dibangunkan bagi tujuan membuat urusan pertukaran dan menyimpan data-data permohonan pertukaran kakitangan secara lebih efisien dan efektif.
- Sistem ini melibatkan proses Pendaftaran Pengguna
- Untuk menggunakan Sistem SPPK pengguna perlu mendaftar 'MyID' dan 'Kata Laluan'
- Di dalam Sistem SPPK, pengguna dapat membuat :
  - Permohonan Pertukaran
  - Semakan Status Permohonan
  - Semakan Kekosongan Jawatan

**Log Masuk SPPK**

**Log Masuk / Semak Maklumat Pertukaran**

- Sekiranya sudah mempunyai 'MyID', sila log masuk ke dalam sistem menggunakan ID dan kata laluan..
- Jika belum mempunyai 'MyID', sila daftar pengguna.

**Daftar Baru**

- Sekiranya belum pernah mendaftar, sila lakukan pendaftaran pengguna sekarang.
- Jika pendaftaran berjaya, sila log masuk dengan id pengguna dan kata laluan tersebut
- Sistem ini menggunakan akaun emel E-Syariah sebagai mekanisme verifikasi pegawai. Pastikan emel E-Syariah anda aktif.

**Log Masuk**

MyID:  
  
 (cth Id Pengguna : 900807061234)

Katalaluan :

**Log In** **Padam**

Daftar Pengguna Baru :  
**Baru**

[Tukar Kata Laluan](#)  
[Lupa Kata Laluan](#)

**Muat Turun**


- [Permohonan Emel Rasmi esyariah.gov.my](#)
- [Manual SPPK versi 2](#)
- Perisian percuma [Adobe Reader](#) untuk membuka dan mencetak fail berformat PDF

#### FAEDAH PROJEK

- Menjadikan pengurusan permohonan pertukaran pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia lebih sistematik, efisien dan pantas.
- Mengoptimumkan penggunaan infrastruktur ICT JKSM.


|                |                                        |
|----------------|----------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Peguam Negara</b>         |
| <b>Projek</b>  | <b>: Chambers Virtual Office (Cvo)</b> |

Projek *Chambers Virtual Office* (CVO) merupakan projek inovasi Jabatan Peguam Negara (AGC) dan merupakan perancangan strategik ICT bagi menjayakan Pelan Transformasi AGC. Projek CVO adalah platform kolaborasi merangkumi pembangunan Portal CVO, sistem e-mel dan komunikasi bersepadu yang dibangunkan oleh AGC bersama pihak vendor.



AGC merupakan salah sebuah jabatan teras negara yang bertanggungjawab untuk memberikan nasihat undang-undang kepada Kerajaan, mengendalikan pendakwaan dan menggubal undang-undang Persekutuan. Justeru projek ini sangat relevan dengan tugas Pegawai Undang-Undang yang memerlukan maklumat di hujung jari secara tepat dan pantas kerana CVO bertindak sebagai pejabat AGC secara maya yang boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Projek ini dapat memberi kesan kepada peningkatan kualiti kerja, produktiviti, *outcome*, *output* dan sistem penyampaian AGC. Ia berpotensi untuk menghasilkan AGC *Legal Knowledge Bank* yang mengandungi pelbagai dokumen khususnya dokumen undang-undang yang merupakan khazanah negara yang sangat bernilai dan perlu dipelihara untuk rujukan di masa hadapan.



Projek CVO akan memastikan kesinambungan ilmu dan maklumat di AGC kerana semua dokumen termasuk dokumen undang-undang disimpan secara digital dan berpusat. Di samping itu, Projek CVO dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan AGC melalui perkongsian maklumat (*information collaboration*) dan kemudahan komunikasi yang terkini.

Projek CVO merupakan suatu platform kolaborasi yang merangkumi Portal CVO, Sistem e-mel dan komunikasi bersepadu seperti yang berikut:




## Portal CVO

|                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Document Library | <ul style="list-style-type: none"><li>• Berkonsepkan perkongsian dokumen yang mana dokumen boleh disimpan dan boleh dikongsi dengan pengguna lain secara berpusat bagi memudahkan kerja seharian. Pengguna boleh memuat naik, mengemas kini dan memuat turun dokumen. Sistem akan merekodkan perubahan versi dokumen.</li></ul>                                                                 |
| Pengumuman       | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kemudahan untuk menyampaikan berita atau makluman dalam kalangan warga AGC di setiap bahagian/negeri/seksyen/unit masing-masing dan boleh dipaparkan dalam tempoh yang ditetapkan.</li></ul>                                                                                                                                                            |
| Forum            | <ul style="list-style-type: none"><li>• Platform yang membolehkan warga AGC menyumbangkan idea dan bertukar-tukar pendapat dan pandangan serta membuat perbincangan sesama rakan sejawat. Ini membolehkan sesuatu isu dapat dibincangkan dan mendapat respons dengan cepat.</li></ul>                                                                                                           |
| Status Projek    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kemudahan kepada pegawai terutama yang terlibat dalam sesuatu projek untuk mengemaskini status untuk pemakluman ringkas dan memudahkan pihak pengurusan membuat pemantauan.</li></ul>                                                                                                                                                                   |
| MySite           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyediakan ruang kerja individu secara maya untuk menyimpan dokumen kerja. Memaparkan maklumat individu termasuk carta organisasi dan kedudukan pegawai. Ia turut membolehkan warga AGC berkongsi idea dan pendapat sesama rakan sekerja. Menyediakan kemudahan pautan kepada webmail AGC serta kemudahan rangkaian sosial antara warga AGC.</li></ul> |

Projek CVO ini dibangunkan di ibu pejabat dan telah diguna pakai di negeri dan cawangan AGC. Kemudahan ini turut disyorkan untuk dikongsi dengan jabatan/agensi Kerajaan lain bagi mewujudkan budaya kerja yang moden, *vibrant*, dinamik, pantas dan tanpa sempadan selaras dengan kehendak dan kehendak dan tuntutan semasa.

|                |                                         |
|----------------|-----------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Peguam Negara</b>          |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Aplikasi Laporan Harian</b> |

Sistem Laporan Harian merupakan tatacara merekod aktiviti harian Pegawai Skim Perundangan di Jabatan Peguam Negara (AGC). Setiap pegawai dikehendaki untuk merekod aktiviti harian mereka sama ada urusan di mahkamah, mesyuarat, persediaan kes, penyediaan pandangan undang-undang dan sebagainya. Projek ini memberi kesan signifikan kepada Jabatan memandangkan pegawai-pegawai AGC mempunyai persekitaran mobiliti yang sangat tinggi dan pemantauan secara sistematik wajar dilakukan. Kewujudan aplikasi sistem Laporan Harian ini memberikan kesan dan impak yang tinggi terhadap Jabatan khususnya dalam proses pemantauan pergerakan pegawai. Sistem Laporan Harian merupakan salah satu daripada inisiatif dan inovasi di AGC yang menjadikan ICT sebagai *enabler* serta medium perhubungan dalam melaksanakan salah satu dari proses kerja utama jabatan.



|                                                                                                                                                                      |                                                                                    |                                                                           |                          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| <br><b>Integrated Legal Management System</b><br><b>ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</b> |  | Username:                                                                 | <input type="text"/>     |
|                                                                                                                                                                      |                                                                                    | Password:                                                                 | <input type="password"/> |
|                                                                                                                                                                      |                                                                                    | <input type="button" value="LOGIN"/> <input type="button" value="clear"/> |                          |
|                                                                                                                                                                      |                                                                                    |                                                                           |                          |

### OBJEKTIF

Membolehkan pegawai melaporkan tugas harian secara atas talian kepada penyelia dan menyimpan laporan tersebut dalam pangkalan data berpusat.

Membenarkan penyelia membuat pemantauan secara berkesan dengan menyediakan laporan yang dikemukakan oleh pegawai di bawah seliaannya.

Penghantaran laporan tugas harian boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja pegawai berada. untuk mempercepatkan proses penghantaran laporan harian.

### RASIONAL PELAKSANAAN


- Peningkatan produktiviti AGC.
- Memudahkan dan mempercepatkan komunikasi.
- Pergerakan Pegawai Undang-Undang.
- Keperluan bagi Program Bekerja dari Rumah (BDR).
- Pemantauan tugas yang lebih efisien.

|                |                                                                     |
|----------------|---------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Perdana Menteri</b>                                    |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pengurusan Waran Perjalanan Udara Awam dalam Talian</b> |

Bagi memastikan Pengurusan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah membangunkan Sistem Pengurusan Waran Perjalanan Udara Awam Dalam Talian (e-WPUA). Sistem ini telah menggantikan permohonan WPUA yang dilaksanakan secara manual malah maklumat pegawai pemohon tidak dapat direkodkan. Susulan daripada kekangan dan kelemahan yang dikesan melalui proses permohonan manual sedia ada, JPM telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dengan membangunkan sistem e-WPUA menggunakan sumber dalaman Jabatan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.

Sistem ini mampu merekod dan menyimpan data yang mengandungi maklumat pegawai, tempahan tiket penerbangan dan lampiran surat arahan tugas rasmi. Ia juga dapat memberi impak yang berkesan dalam mewujudkan kawalan dalaman terhadap sistem dan prosedur kewangan Jabatan terutamanya kejadian “No-Show Passengers”. Sistem ini membolehkan pengesanan dan pengesahan penggunaan tiket kapal terbang pegawai dan laporan penggunaan perkhidmatan kapal terbang daripada Agensi Pelancongan.

Kini, warga JPM dan semua pusat kos jabatan/agensi JPM boleh mengemukakan permohonan melalui e-WPUA yang mesra pengguna (*user friendly*) serta mudah dicapai di mana-mana dan pada bila-bila masa. Kesan daripada penambahbaikan prosedur ini, e-WPUA dapat memudahkan proses pemantauan dan pengauditan di JPM melalui penjanaan laporan e-WPUA yang boleh diperolehi secara bulanan.





**Jabatan : Jabatan Perdana Menteri**  
**Projek : e-Psikologi**

Sejajar dengan perkembangan teknologi dan saranan membudayakan kreativiti dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan, JPM telah memperkenalkan aplikasi psikologi dan kaunseling secara dalam talian secara interaktif. Sistem e-Psikologi turut bertujuan memudahkan warga organisasi berhubung dengan pegawai psikologi JPM secara atas talian dengan lebih selesa.

## OBJEKTIF

Membantu pegawai dan kakitangan awam di JPM ke arah perkembangan dan kecemerlangan JPM

Membantu pegawai dan kakitangan awam JPM ke arah kecemerlangan dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti

Membantu pegawai dan kakitangan awam ke arah pembentukan sifat positif di dalam aktiviti-aktiviti intervensi yang berbentuk penganalisis dan pendiagnosis cabaran/masalah

Membantu pegawai dan kakitangan awam JPM ke arah pemulihan kepada kehidupan harmoni dengan peningkatan kemahiran dalam proses penyesuaian diri dengan persekitaran

Hasil daripada kolaborasi pegawai dan kepakaran dalaman JPM, sistem e-Psikologi telah dibangunkan menggunakan perisian sumber terbuka. Ia amat relevan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan awal kepada pengurus sumber manusia sebelum merujuk sesuatu kes kepada pegawai psikologi atau pelaksanaan intervensi pencegahan di peringkat awal. Selain itu, kemudahan ini dapat mendekatkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada warga JPM khususnya dalam pengurusan emosi, konflik dan stres secara lebih berkesan. Antara perkhidmatan yang terdapat dalam sistem e-Psikologi ini adalah perkhidmatan temujanji kaunseling yang boleh dibuat terus tanpa perlu mengisi borang, soal selidik dan ujian ringkas seperti Ujian Kemarahan, Ujian Stres dan Ujian Konflik, tips berkaitan perkhidmatan psikologi melalui penulisan artikel dan video pendek juga dapat diakses dengan mudah dan mesra pengguna.



Sistem ini tidak terhad kepada perkhidmatan ujian psikologi dan temujanji kaunseling sahaja, malahan turut memaparkan info terkini berkenaan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Sistem e-Psikologi menyasarkan penggunaan dalam kalangan warga JPM, penjawat awam serta orang ramai malahan sehingga Disember 2015, capaian sistem e-Psikologi telah mencapai 1.3 juta pengguna. e-Psikologi ini telah membawa banyak faedah kepada pengurusan Psikologi di JPM hasil daripada capaian perkhidmatan yang bersifat mesra pengguna dan maklumat berkaitan mengenainya boleh diperolehi di hujung jari.

|                |                                                                                 |
|----------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Perdana Menteri</b>                                                |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Nilai Prestasi Pengurusan Kewangan Audit Secara Online (ezSNAP)</b> |

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan ke atas kaedah, teknik dan prosedur penjawat awam. Perkara ini turut telah mencetuskan pembaharuan dalam teknik pengauditan yang dilaksanakan melalui pengenalan ke atas Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (ezSNAP) yang dibangunkan oleh Bahagian Audit Dalam, JPM.

Penampilan Audit merupakan salah satu kaedah pengauditan bagi membantu Jabatan/Agensi JPM memastikan pengurusan kewangan dan ICT yang dilaksanakan oleh organisasi mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Sistem ezSNAP bermaksud mudah atau easy(ez) dan perkataan SNAP bermaksud Sistem Nilai Audit Penampilan. Sistem ini telah dibangunkan oleh Seksyen Audit ICT Bahagian Audit Dalam manakala aliran proses kerja audit disediakan oleh juruaudit di Bahagian Audit Dalam JPM. Sistem ini telah mula digunakan pada 1 Julai 2011 oleh 13 agensi JPM dan diperluaskan kepada 247 PTJ JPM mulai 1 Ogos 2011. Sehingga kini, penggunaan sistem ini telah melibatkan sebanyak 260 PTJ yang terdiri daripada ibu pejabat dan cawangan di bawah JPM.



## OBJEKTIF

Memaklumkan kepada Ketua Jabatan bahawa Bahagian Audit Dalam sentiasa memantau prestasi pengurusan kewangan dan ICT pejabat cawangan masing-masing dari semasa ke semasa

Memastikan agensi mematuhi undang-undang dan peraturan pengurusan kewangan dan ICT dari semasa ke semasa

Membantu Ketua Jabatan mengukur prestasi kawalan pengurusan kewangan dan ICT yang dilaksanakan di pejabat cawangan masing-masing

Membantu Bahagian Audit Dalam memberikan tumpuan terhadap kelemahan kawalan dalaman pejabat cawangan

Sistem ini bertujuan membantu Bahagian Audit Dalam, JPM memantau dan menilai prestasi pengurusan kewangan di setiap PTJ di JPM secara *online*. Sistem ini juga dapat membantu mengukur prestasi pematuhan Pengurusan Kewangan dan ICT bagi setiap agensi di bawah JPM mengikut kawalan masing-masing. Ketua Jabatan sebagai pegawai pengesah dikehendaki untuk melaksanakan penilaian sendiri terhadap pematuhan Pengurusan Kewangan dan ICT di agensi masing-masing. Semua maklumat yang dilengkapkan oleh Ketua Jabatan akan disemak oleh juruaudit untuk memastikan prestasi pematuhan pengurusan kewangan dan ICT yang disediakan oleh agensi telah dilaksanakan dengan betul dan berintegriti. Perbandingan peratus pematuhan agensi yang dinilai sendiri dan semakan juruaudit akan menunjukkan peratus pematuhan sebenar sesebuah agensi. Perkara ini secara langsung dapat memudahkan juruaudit memberikan tumpuan khidmat nasihat terhadap kelemahan agensi secara spesifik. Laporan yang dijana oleh sistem ezSNAP akan membantu pihak pengurusan mengetahui status keseluruhan pematuhan kewangan dan ICT bagi Jabatan/Agensi di bawah JPM.

**Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**

**Projek : Malaysia Students Engagement onLine Feed (MySELF)**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah memperkenalkan *Malaysia Student Engagement onLine Feed (MySELF)* sebagai aplikasi dalam talian berkonsepkan *Single-Sign-On* untuk pelajar dan pegawai tajaan JPA mengemas kini dan menguruskan maklumat tajaan secara sendiri. Ia adalah pusat sehati maklumat yang diwujudkan secara sistematik dan ditambah baik dengan fungsi-fungsi tambahan. Sistem ini telah dibangunkan melalui perisian sumber terbuka secara dalaman serta kepakaran pasukan dalaman di JPA sepenuhnya tanpa penglibatan konsultan dan pihak luar.

Inisiatif yang diperkenalkan melalui *MySELF* dapat memperluaskan *engagement* dan pertukaran maklumat antara pihak JPA dan pelajar menerusi integrasi penyampaian maklumat dua hala secara berpusat. Ia dapat mewujudkan pengurusan maklumat secara sistematik dan mudah kerana pelajar tidak perlu lagi menghubungi pegawai bagi urusan pertanyaan seperti perkreditan bayaran, pengemaskinian maklumat perhubungan dan urusan lapor diri.

*MySELF* sesuai dengan gaya transformasi yang giat dijalankan di JPA, *MySELF* telah dijadikan inisiatif transformasi JPA di bawah "Teras Strategik 3: Merakyatkan Perkhidmatan Awam" sub langkah "Langkah Strategik 6: Menyediakan Sistem Perkhidmatan Awam Yang Berinovasi & Kreatif". Ia adalah langkah bagi merapatkan jurang antara JPA dan pelanggan bagi memberi kesan yang signifikan ke arah pembangunan modal insan yang bertanggungjawab, berdaya saing dan responsif melalui hubungan dua hala yang berkesan antara pelajar dengan penaja selaras dengan konsep merakyatkan perkhidmatan awam.

Projek ini telah membawa banyak faedah antaranya menambah baik keterlibatan perhubungan dan komunikasi antara pelajar dengan penaja (JPA) menerusi integrasi semula kaedah komunikasi pelajar secara berpusat. Kemudahan ini dapat mengurangkan isu panggilan tidak berjawab kerana pelajar dan pegawai tajaan JPA dapat mengakses maklumat tajaan dan melakukan pengemaskinian maklumat secara layan diri. Projek ini juga turut menjimatkan kos percetakan dan penghantaran surat arahan lapor diri, bil tuntutan dan lain-lain dokumen penajaan melalui fungsi-fungsi yang disediakan dalam *MySELF*.

**Jabatan : Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**

**Projek : Student Assessment Centre (SAC)**

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mac 2012 berkaitan Dasar Penajaan Tahun 2012, JPA telah melaksanakan suatu mekanisme pemilihan yang lebih komprehensif sebagai nilai tambah kepada proses temu duga sedia ada dalam pemilihan pelajar bagi program-program penajaan JPA.

JPA melalui proses inovasi telah merangka dan melaksanakan penambahbaikan ke atas kaedah temu duga dengan pengenalan program *Student Assessment Centre (SAC)*. Program ini memberi penekanan terhadap konsep *wholesome personality* dan *individual potential* dalam menilai dan memilih calon-calon bagi penajaan JPA selari dengan ekspektasi dan keperluan semasa tenaga kerja negara. Pembangunan program ini telah dirangka dengan menggunakan tenaga kerja dalaman yang berkemahiran dan berpengalaman di dalam proses penilaian serta pemilihan calon-calon penajaan biasiswa JPA. Kompetensi-kompetensi yang ditetapkan dalam penilaian SAC adalah meliputi minat, tata kelakuan, kepimpinan, patriotisme, kreativiti, ketahanan dan keyakinan diri. Modul-modul penilaiannya boleh diubah atau diganti mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

Pencapaian terbaik SAC adalah pada tahun 2013 di mana SAC telah menjadi Johan Kategori *Non ICT* dalam Anugerah Inovasi JPM 2013 dan seterusnya menggondol pingat gangsa pada Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2014.





|                |                                                   |
|----------------|---------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</b>       |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Semakan Status Penerimaan Dokumen</b> |

eStatus adalah aplikasi dalam talian yang diwujudkan oleh pihak JPA bagi memudahkan dan mempercepatkan proses semakan status penerimaan dokumen yang dihantar oleh pemohon penajaan biasiswa JPA. Semakan status boleh dilakukan ke atas dokumen yang dikemukakan sama ada melalui pos ataupun serahan tangan oleh Pejabat Sumber Manusia Jabatan/Agensi pemohon.

Sistem eStatus mula dibangunkan pada Mei 2014 menggunakan perisian sumber terbuka secara dalaman tanpa penglibatan konsultan dan pihak luar. Sistem ini berintegrasi dengan sistem permohonan dan sistem semakan keputusan penajaan JPA. Ia terdiri daripada dua modul iaitu modul semakan dalam talian bagi pemohon penajaan, dan juga modul pegawai bagi kegunaan pegawai JPA.

Melalui konsep *self-service* dalam eStatus, semakan status penerima dokumen oleh pemohon dapat dilaksanakan secara sistematik dan mudah kerana pemohon tidak perlu lagi menghubungi pegawai JPA bagi urusan pertanyaan status dokumen manakala proses pengesahan dan carian borang fizikal oleh pegawai JPA juga dapat dikurangkan. Selain itu, eStatus juga dapat membantu permohonan dengan pegawai JPA untuk memastikan dokumen yang diterima diproses dan diperakui.



## OBJEKTIF

Memudahkan dan mempercepatkan semakan status penerimaan dokumen penajaan JPA oleh pelanggan.

Menambahbaik keberkesanan pengurusan dokumen penajaan yang dihantar ke JPA.

Meningkatkan tahap keyakinan pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

Meningkatkan kecekapan kerja pegawai JPA.

|                |                                             |
|----------------|---------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem ePelanggan Gen2</b>             |

Idea pembangunan Sistem ePelanggan Gen2 JPA adalah bagi menyelesaikan masalah kekangan kos, masa dan tenaga yang diperlukan untuk menyediakan Hari Bersama Pelanggan JPA secara fizikal. Ia selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2008 yang menyarankan kajian semula berkaitan perkhidmatan pelanggan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat dan status perkembangan teknologi terkini yang kian berubah.



Tujuan utama sistem ini dibangunkan adalah bagi menyediakan satu platform untuk pelanggan JPA berinteraksi dengan Pegawai JPA secara maya. Sistem ini juga dikenali sebagai Hari Khas JPA Bersama Pelanggan Secara Maya. Sistem ePelanggan Gen2 JPA telah dibangunkan pada Mei 2013 secara *insourcing* oleh Pasukan Pembangun JPA dan tidak melibatkan sebarang kos kerana menggunakan perisian sumber terbuka. Ia juga menggunakan kaedah *smart programming* –GIT yang membantu mempercepatkan pembangunan sistem. Sistem ini telah siap dibangunkan pada Julai 2013 dan dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri KPPA pada 22 Julai 2013. Sistem mula beroperasi secara *live* pada Ogos 2013. Melalui pelaksanaan Sistem ePelanggan Gen2 JPA ini bukan sahaja menjimatkan kos kerana dibangunkan secara dalaman menggunakan perisian sumber terbuka malahan telah membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan JPA serta imej JPA di mata umum.

## OBJEKTIF

- Kehadiran dan interaksi pelanggan dengan pegawai JPA
- Menjimatkan kos, masa dan tenaga bagi pelanggan dan pegawai JPA
- Memperluaskan outreach JPA
- Meneraju penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan JPA
- Meningkatkan imej JPA.

Impak sistem ini dapat diukur dari sudut kecekapan dan kesan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan JPA dan seterusnya Sektor Awam. Pelanggan JPA dapat menjimatkan kos dan masa tanpa perlu datang ke JPA untuk berkomunikasi dengan pegawai JPA. Manakala pegawai JPA juga dapat menjimatkan masa dan kos tanpa perlu menyediakan kaunter untuk Hari Bersama Pelanggan JPA secara fizikal.

Inisiatif ini telah mendapat sambutan menggalakkan iaitu sebanyak 1274 sesi sembang dalam sistem ini pula telah berlangsung daripada Februari 2014 sehingga Mei 2015. Jumlah sesi sembang ini terus meningkat terutamanya pada ketika permohonan biasiswa dibuka mahupun ketika sesuatu dasar atau pekeling baharu dilancarkan. Sistem ini juga telah menjadi penanda aras Unit Komunikasi agensi di Sektor Awam dan hasilnya sehingga kini sebanyak lima agensi telah menjadikan Sistem ePelanggan Gen2 JPA sebagai penanda aras dan memohon kerjasama khidmat rundingan dan nasihat daripada pasukan pembangun JPA untuk pelaksanaan di agensi masing-masing.



**Jabatan : Jabatan Perangkaan Malaysia**  
**Projek : e-MSIC**

Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Bahagian Metodologi dan Penyelidikan merupakan penyelarass Pengelasan Kod Industri di Malaysia. Atas dasar itu, Jabatan ini telah membangunkan e-MSIC untuk memudahkan penggunaan dan mempercepatkan pencarian kod MSIC secara tepat dan cepat.

Sistem ini merujuk kepada kemudahan carian Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) yang digunakan bagi tujuan pengumpulan, penyusunan dan penerbitan perangkaan. MSIC merupakan satu klasifikasi standard bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan satu set kategori aktiviti yang boleh digunakan dalam pengumpulan dan penerbitan perangkaan mengikut aktiviti tertentu. Pembangunan sistem ini telah dimulakan pada tahun 2011 dengan beberapa siri penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan.

**Carian Struktur MSIC**

**Nyatakan skop aktiviti ekonomi anda :**

**Seksyen :**

**Bahagian :**

**Kumpulan :**

**Kelas :**

**Keterangan :**

| Paparan Maklumat Kod MSIC 2008                                                                         |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|-----------|-----------------|------------------------|
| <b>Seksyen :</b> A - Pertanian, Perhutanan dan Perikanan                                               |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| <b>Bahagian :</b> 01 - Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| <b>Kumpulan :</b> 016 - Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian                |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| <b>Kelas :</b> 0161 - Aktiviti sokongan untuk pengeluaran tanaman                                      |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| <b>Perkara :</b> 01610 - Aktiviti pertanian untuk pengeluaran tanaman berasaskan yuran atau kontrak    |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| Jadual untuk 5 digit                                                                                   |                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                               |                |           |                 |                        |
| Perkara                                                                                                | Keterangan                                                                 | Termasuk                                                                                                                                                                                                                                                      | Tidak termasuk | MSIC 2000 | Kod Penyiasatan | Keterangan Penyiasatan |
| 01610                                                                                                  | Aktiviti pertanian untuk pengeluaran tanaman berasaskan yuran atau kontrak | (a) penyediaan tanah, penuaian, kawalan perosak (termasuk arnab) berkaitan dengan pertanian<br>(b) operasi peralatan pengairan untuk tujuan pertanian<br>(c) penyelenggaraan tanah bagi memastikannya berada dalam keadaan yang baik untuk kegunaan pertanian |                | 01400     | 101             | Tanaman                |

Inisiatif ini diwujudkan setelah mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak yang memohon agar Jabatan ini menyediakan kemudahan enjin carian MSIC. Sistem ini boleh digunakan sebagai alternatif kepada Buku MSIC yang digunakan secara meluas oleh Jabatan ini dan agensi-agensi berkaitan sebagai sumber rujukan dalam pengelasan aktiviti ekonomi atau industri.

Sistem yang dibangunkan turut digunakan sebagai carian utama untuk pendaftaran GST oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Penggunaan e-MISC bukan sahaja mengatasi kelewatan mengemas kini aktiviti pertubuhan perniagaan ke EE *frame* malah dapat menjimatkan masa carian dan memastikan carian kod yang lebih tepat.

### Kandungan e-MSIC

Sistem carian MSIC dibangunkan dalam dua(2) Bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sistem menyediakan tiga(3) modul carian iaitu :

- Modul Struktur MSIC.
- Modul deskripsi MSIC.
- Modul Kod MSIC.



**Jabatan : Jabatan Perangkaan Malaysia**  
**Projek : e-QSS**

Bagi mempercepatkan penerimaan data terhadap Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan (PPST), Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperkenalkan Soal Selidik Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan secara dalam talian atau dikenali sebagai e-QSS (*electronic Quarterly Survey of Services*). Sistem ini disediakan bagi memperolehi maklumat daripada responden dan pihak Jabatan Perangkaan Negeri.

Sistem e-QSS dibangunkan setelah Jabatan ini mendapati maklum balas responden lewat diterima disebabkan oleh proses dan prosedur kerja penyeliaan dan pengumpulan data PPST yang panjang di Jabatan Perangkaan Negeri. Semua data PPST dikehendaki dihantar pada setiap 25 dan 30 hari bulan selepas suku tahun rujukan. Justeru, bagi mengatasi masalah ini, langkah inovasi telah diperkenalkan dengan membangunkan sistem dalam talian yang boleh diakses secara lebih relevan. Selain itu, sistem ini dapat memastikan rekod penerimaan data lebih teratur dan menjimatkan masa. Pembangunan sistem ini telah berjaya mengurangkan bilangan kes dan hari lewat penerimaan data PPST seterusnya dapat mengelakkan kelewatan penerimaan data yang boleh menjejaskan tempoh analisis.



Sistem e-QSS menyediakan alternatif yang cepat dan mudah untuk penghantaran borang soal selidik dan maklum balas boleh dilakukan secara serta-merta. Ia mempercepatkan penyediaan maklumat PPST yang menjadi sumber utama penyediaan Laporan Suku Tahun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Sektor Perkhidmatan.

Projek ini telah menjadi Johan Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 dan telah tercalon dalam Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama. Dengan adanya projek ini, kes lewat diterima dapat diselesaikan dan juga dapat mengurangkan kos operasi.



#### Pemberitahuan

**Tarikh akhir penghantaran data adalah pada 10 Januari 2016**

Sistem e-QSS menyediakan alternatif yang cepat dan mudah untuk penghantaran borang soal selidik.

Dengan menggunakan perkhidmatan ini, anda boleh menghantar maklum balas soal selidik melalui internet, 24jam sehari.



**Jabatan : Jabatan Perangkaan Malaysia**  
**Projek : e-jobPSH**

Keperluan pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Jabatan Perangkaan Malaysia sememangnya dapat melancarkan tugas-tugas *ad-hoc* yang harus diselesaikan. Oleh yang demikian, langkah proaktif telah diambil dengan memastikan proses pengambilan PSH ditambah baik secara sistematik dengan mewujudkan sistem e-jobPSH. Sistem ini diperkenalkan setelah Jabatan mendapati proses pengambilan calon PSH yang dilaksanakan secara manual sering berlaku kelewatan.

e-jobPSH mampu memudahkan dan mempercepatkan proses pencarian calon PSH. Sistem ini dapat memudahkan proses panggilan temu duga PSH dengan membangunkan sistem bersepadu secara dalam talian yang menggabungkan elemen pendaftaran, permohonan, semakan status dan pemakluman kepada calon PSH. Selain itu, sistem ini juga menyediakan sistem pengekodan dan pendaftaran yang lengkap untuk calon PSH. Pembaharuan yang dilaksanakan melalui kemudahan ICT ini dapat menjimatkan masa dan kos pentadbiran Jabatan. Ia juga dapat memastikan penghasilan proses kerja dilaksanakan secara sistematik dan lengkap.



**SISTEM e-JobPSH**

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

CARIAN K/P:

TAHUN:

KELAYAKAN\_AKADEMIK:

PERIBADI | LATARBELAKANG SEKOLAH | LATARBELAKANG KOLEJ / UNIVERSITI | BAHASA | KEMAHIRAN KOMPUTER | PENGAKUAN

NAMA PENUH:

KAD PENGENALAN:

ALAMAT RUMAH:

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

NO TELEFON:

JANTINA:

AGAMA:

KETURUNAN:

STATUS:

|                |                                      |
|----------------|--------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Perangkaan Malaysia</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: eZ-trace</b>                    |

Sistem eZ-trace yang dihasilkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bertujuan mempercepatkan dan memudahkan penyediaan data petunjuk ekonomi Negeri Sarawak. Ia dihasilkan setelah Jabatan mendapati terdapat kesukaran menguruskan borang-borang yang tidak sistematik dari tujuh (7) Pejabat Operasi dan Seksyen Operasi Kuching.

Menyedari hakikat ini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mewujudkan sistem eZ-trace untuk mengatasi masalah seperti maklumat tidak selaras, duplikasi, dan kehilangan. Ia dibangunkan menggunakan *Microsoft Access* dan memiliki ciri-ciri yang efisien, ketersediaan jadual dan mesra pengguna. Pembangunan sistem ini juga telah dapat menjimatkan kos dan masa, meningkatkan kepuasan pelanggan, serta meningkatkan produktiviti jabatan.

Pelaksanaan e-Z-trace juga dapat mengatasi masalah data ekonomi tidak menepati sasaran yang boleh menjejaskan imej jabatan sekali gus menjejaskan perancangan dan penggubalan dasar oleh Kerajaan. Projek ini pernah menjadi Johan Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 dan menyandang gelaran Naib Johan pada Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama.

#### **FAEDAH PROJEK**

- Menyelesaikan kes pergerakan borang yang sukar dikesan.
- Mengurangkan masa menyediakan laporan kawalan penerimaan borang sebanyak 87.5%.
- Mengurangkan kos produktiviti sebanyak 89.4% dan kos operasi sebanyak 83.3%

|                |                                                 |
|----------------|-------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pengurusan Latihan (SisCOURSE)</b>  |

Sistem Pengurusan Latihan atau singkatannya SisCOURSE merupakan sistem sokongan yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan pihak pengurusan khususnya Unit Sumber Manusia di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ia dapat memudahkan urusan merekod, menyemak dan memantau kehadiran kursus seluruh warga JAWHAR. Selain daripada fungsi-fungsi asas tersebut, sistem ini berupaya membuat pengiraan bilangan hari berkursus bagi penggunanya.

Ciri-ciri ini membolehkan pengguna mengetahui jumlah bilangan kursus yang telah dihadiri dan seterusnya dapat membantu pengguna merancang kursus yang diperlukan untuk mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 berhubung Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dan keperluan menghadiri sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkursus dalam tempoh satu tahun.





|                |                                                 |
|----------------|-------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pengurusan Inovasi JAWHAR</b>       |

Sistem Pengurusan Inovasi JAWHAR atau lebih dikenali sebagai Bank Inovasi merupakan sistem sokongan yang dibangunkan bagi memberi kemudahan kepada warga JAWHAR menyalurkan cadangan dan cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Ia seterusnya dapat memudahkan pelaporan penghasilan inovasi oleh pihak pengurusan JAWHAR.



Sistem ini merupakan pangkalan data inovasi bagi menyimpan dan mengurus segala idea-idea kreatif atau inovatif yang dihasilkan di JAWHAR. Idea-idea yang dicetuskan oleh warga JAWHAR diperoleh dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru.



#### FAEDAH PROJEK

- Membantu warga JAWHAR untuk menyalurkan cetusan idea kepada saluran yang betul dan sesuai.
- Membantu dalam meningkatkan mutu kerja dengan penerapan daya inovasi kepada semua aspek tugas.
- Menjadi tempat atau platform utama bagi perkongsian idea bagi tujuan percambahan idea di kalangan warga JAWHAR.

**Jabatan : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**  
**Projek : Sistem Pendaftaran Program JAWHAR**

Bagi mempelbagaikan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, JAWHAR telah menyediakan kemudahan di mana penjawat awam boleh memohon program anjuran JAWHAR secara dalam talian. Kemudahan ini bukan sahaja dapat memudahkan proses permohonan program tetapi juga akan menggalakkan lebih ramai lagi penjawat awam untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh JAWHAR.



Bagi mempelbagaikan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, JAWHAR telah menyediakan kemudahan di mana penjawat awam boleh memohon program anjuran JAWHAR secara dalam talian. Kemudahan ini bukan saja dapat memudahkan proses permohonan program tetapi juga akan menggalakkan lebih ramai lagi penjawat awam untuk mengikuti program yang dianjurkan oleh JAWHAR.

#### KOD PROGRAM

Sila Masukkan Kod Program Untuk Mendaftar:

#### SEMAK / KEMASKINI PERMOHONAN ANDA

Masukkan No Kad Pengenalan Anda (IC) Tanpa Simbol '-' (Contoh : 840311665122):

#### SENARAI PROGRAM YANG BELUM BERLANGSUNG

| Kod Program | Program | Mula | Tamat |
|-------------|---------|------|-------|
|-------------|---------|------|-------|


Pembangunan sistem ini adalah selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR dalam Teras 5 iaitu meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dalam bidang teras JAWHAR dan juga membantu pihak pengurusan atau bahagian yang terlibat untuk merekod, menyemak serta menyelaras bilangan peserta yang berminat untuk menyertai mana-mana program JAWHAR selain dapat menjimatkan masa. Selain itu, ia juga dapat membantu pihak pengurusan khususnya dalam merancang program atau aktiviti yang boleh dipohon secara atas talian oleh semua kakitangan awam.



**Jabatan : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**  
**Projek : Sistem e-Bayarat versi 2.0**

Portal Pengurusan Maklumat JAWHAR merupakan portal yang memaparkan statistik am berkaitan zakat dan baitulmal di Malaysia. Statistik yang dipaparkan dari laman ini diperoleh dari Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia dan dikemas kini dari masa ke semasa bagi memudahkan orang awam membuat rujukan mengenai statistik zakat dan baitulmal di Malaysia.

Antara maklumat yang dipaparkan ialah statistik Kutipan Zakat Harta dan Fitrah, Statistik Agihan Zakat, Kadar Nisab Zakat Harta dan Fitrah serta Statistik Tanah Baitulmal dan Harta Sumber Am. Dengan itu, sistem ini dapat membantu orang awam untuk mendapatkan maklumat berkaitan zakat dan baitulmal dan membantu pihak pengurusan mengumpul dan mendapatkan data berkaitan zakat dan baitulmal dengan lebih sistematik.




|                  |                                                |                      |                                 |
|------------------|------------------------------------------------|----------------------|---------------------------------|
| Pengurusan Zakat | Papar Statistik Kutipan Zakat Harta dan Fitrah | Pengurusan Baitulmal | Papar Statistik Tanah Baitulmal |
|                  | Papar Statistik Agihan Zakat                   |                      | Papar Statistik Sumber Am       |
|                  | Papar Kadar Nisab Zakat Harta                  |                      | Papar Kadar Nisab Fidyah        |
|                  | Papar Kadar Nisab Zakat Fitrah                 |                      |                                 |

Pembangunan sistem ini selari dengan hasrat jabatan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dalam pelaksanaan bidang teras demi kemaslahatan ummah.



**Jabatan** : Jabatan wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)  
**Projek** : Portal & Aplikasi Mobil I-UMRAH

Portal i-Umrah merupakan aplikasi sokongan yang dibangunkan khas bagi menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan ibadah umrah seperti senarai pengelola umrah yang berdaftar dengan Kerajaan Arab Saudi (Muassasah), panduan dan soal jawab berkaitan umrah, slaid kes penipuan pakej umrah dan lain-lain. Ia juga bertindak sebagai mekanisme penyaluran aduan kepada Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pelancongan Malaysia. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan capaian maklumat, JAWHAR telah membangunkan aplikasi mobil khusus untuk menyemak status pengelola umrah yang sah. Kedua-dua aplikasi ini telah dibangunkan secara dalaman, yang bukan sahaja dapat memenuhi ekspektasi dan keperluan semasa tetapi dalam masa yang sama dapat menjimatkan kos jabatan. Peranan aplikasi ini amat penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat umum berkaitan ibadah umrah khususnya dalam kes-kes penipuan umrah yang semakin berleluasa. Sistem ini dapat menyediakan maklumat mengenai ibadah umrah bagi meningkatkan keyakinan orang awam untuk melaksanakan ibadah secara lancar di Arab Saudi.



Menyediakan kemudahan untuk menyemak status pengelola umrah yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (KPK).

Meningkatkan kesedaran kepada masyarakat umum khususnya kepada mereka yang ingin menunaikan umrah berkaitan risiko penipuan pakej umrah.

#### OBJEKTIF

Memanfaatkan sumber sedia ada menggunakan kaedah Blue Ocean Strategy di antara JAWHAR dan KPK.

Menjadi pemangkin ke arah penyampaian perkhidmatan pengelolaan umrah yang berkualiti dan berkesan.

Menyediakan satu platform bagi menghebahkan maklumat maklumat berkaitan umrah secara umum yang perlu diketahui oleh masyarakat Islam di negara ini

|                |                                                          |
|----------------|----------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri (JPM)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Daftar Kes Keurusetiaan (sisDesk)</b>        |

Lembaga Penasihat JPM telah membangunkan Sistem Daftar Keurusetiaan (sisDesk) untuk mendaftar maklumat Orang Tahanan yang ditahan di bawah akta undang-undang pencegahan Malaysia. Sistem ini menyimpan maklumat tahanan secara lengkap dan mengikut kategori.



SisDesk dibangunkan di atas pelantar *Microsoft Access* dan mempunyai ciri-ciri mesra pengguna bagi memudahkan penyelarasan dan pengemaskinian maklumat Orang Tahanan. Bagi memastikan kualiti perkhidmatan ditingkatkan, Lembaga Penasihat akan terus komited untuk menambah baik sisDesk melalui pewujudan sistem pangkalan data untuk menyelia maklumat Orang Tahanan dan mencipta platform bagi maklumat persidangan Lembaga Penasihat.



**Paksi kepada kejayaan pembangunan SisDesk adalah berdasarkan kepada prinsip berikut:**

- Dibangunkan secara dalaman;
- Kos pembangunan dan penyeliaan sistem yang rendah;
- Mempercepatkan pentadbiran fail-fail yang digunakan dalam urusan *core business* pejabat;
- Pembangunan sistem dan pangkalan data yang berterusan dalam jangka masa pendek mengikut kesesuaian pengguna;
- Latihan berterusan kepada penjawat awam di Lembaga Penasihat yang terlibat secara terus dengan SisDesk;
- Pembinaan arkib maklumat persidangan Lembaga Penasihat


Projek ini telah meningkatkan pembudayaan penggunaan teknologi maklumat di pejabat serta melahirkan pegawai yang mempunyai pelbagai kemahiran (*multi skilling*). Ia dapat meningkatkan imej jabatan dalam kalangan Jabatan/Agensi yang berurusan dengan Lembaga Penasihat seperti Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia. Atas inisiatif yang dilaksanakan, Projek SisDesk telah mewakili Lembaga Penasihat untuk menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan Perdana Menteri Tahun 2013.

**Jabatan : Lembaga Tabung Haji**  
**Projek : Sistem e-Hajj**

Lembaga Tabung Haji sebagai pihak pengurus utama ibadah haji di Malaysia sentiasa beriltizam untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatannya. Perkara ini termasuklah menambah baik urusan tawaran dan maklum balas haji yang menjadi antara teras perkhidmatan penting dalam Lembaga Tabung Haji. Bagi memastikan pengurusan dapat dilaksanakan dengan lancar, Lembaga Tabung Haji melalui cawangan negeri Kedah telah melaksanakan sistem e-Hajj khusus untuk mengatasi masalah bilangan maklumbalas tawaran haji yang tidak dikembalikan. Sistem e-Hajj mampu memudahkan urusan bakal haji memberi maklum balas tawaran haji pada tahun semasa.



Sistem e-Hajj telah dibangunkan menggunakan kepakaran secara dalaman dan sistem *web base*. Sistem *web base* ini dapat memudahkan pengguna untuk melayari sistem ini pada bila-bila masa dan di mana-mana jua. Sistem ini dapat diguna pakai bagi tujuan semakan tawaran, terima tawaran, tolak tawaran haji secara cepat dan mudah. Ia hanya memerlukan pengguna untuk memasukkan nombor akaun tabung haji serta nombor kad pengenalan dan keputusan tawaran haji dapat dimaklumkan dan diperolehi. Dalam masa yang sama, sistem e-Hajj juga memberi kemudahan kepada pengguna bagi memaklumkan keputusan terima tawaran dan penolakan tawaran untuk menunaikan haji pada tahun tersebut.



Sistem e-Hajj dapat mengurangkan jumlah tawaran haji yang tidak dikembalikan turun sehingga 100 peratus. Ia dapat memberi penjimatan kos operasi sebanyak 97 peratus dan penjimatan masa untuk menepati sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 88 peratus. Secara umumnya, sistem ini mampu memendekkan tempoh prosedur yang diambil dari 16 hari kepada 1 hari sahaja dan pengurangan risiko Bakal Haji yang tidak dapat menunaikan haji dan tempoh maklum balas senarai menunggu dapat disingkatkan.



## FAEDAH PROJEK

- Dapat menepati kehendak piagam pelanggan iaitu memberi layanan yang mesra, cepat dan cekap.
- Selain itu meningkatkan reputasi perkhidmatan TH.
- Bakal haji juga dapat menunaikan haji pada tahun semasa.
- Pihak TH dapat mengurangkan rayuan haji.
- Pada masa yang sama dapat meningkatkan keyakinan dan kebolehpercayaan bakal haji.
- Sistem ini juga dapat mengurangkan bilangan senarai menunggu bakal haji untuk tunai haji.

## KELEBIHAN APLIKASI



**Jabatan : Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**  
**Projek : MAIWP eBayaran**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah melancarkan sistem eBayaran untuk memberi kemudahan kepada pelanggan dalam membuat urusan pembayaran secara dalam talian dengan pihak MAIWP. Pelanggan MAIWP boleh menggunakan eBayaran bagi urusan pembayaran sewa, pembayaran yuran, pembayaran wang tidak patuh syariah, pembayaran wang tebus pusaka, pembayaran fidyah dan derma.



Sistem eBayaran MAIWP merupakan sebuah aplikasi yang dibina berasaskan *web* dan boleh dicapai oleh orang awam untuk melaksanakan transaksi yang melibatkan pihak pembayar, *Financial Process Exchange* (FPX) dan MAIWP. Resit sementara akan dikeluarkan kepada pengguna sebagai bukti pembayaran manakala resit rasmi akan dikeluarkan dan dihantar kepada pihak pembayar oleh Bahagian Kewangan MAIWP.



Sistem eBayaran telah dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman dari Bahagian Teknologi Maklumat, MAIWP. Ia membolehkan pengguna berhubung terus dengan MEPS FPX yang diurus oleh *MyClear*, sebuah anak syarikat Bank Negara Malaysia dan pengendali utama teknologi pembayaran elektronik di Malaysia. Waktu operasi FPX bermula dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari. Namun, perkhidmatan FPX bergantung pada ketersediaan perkhidmatan perbankan internet di bank yang menyertai.

Sistem ini turut memastikan setiap transaksi pembayaran yang dilakukan akan didebit secara terus ke akaun rasmi bank MAIWP. Bagi menjamin kepercayaan pengguna, segala urusan pembayaran yang dijalankan akan melalui prosedur keselamatan yang ketat selaras dengan kehendak dan prosedur *MyClear* FPX. Pembayaran secara *online* dapat mengurangkan jumlah urusan pembayaran di kaunter malah kepuasan pelanggan terhadap mutu perkhidmatan yang disampaikan oleh pihak MAIWP dapat ditingkatkan.



**Jabatan : Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**  
**Projek : Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ)**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah membangunkan Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ) yang berfungsi sebagai pangkalan data berpusat bagi permohonan bantuan zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Selain dari merekod maklumat permohonan zakat, sistem ini turut berperanan sebagai medium komunikasi antara pemohon zakat dan pihak MAIWP.



SMAZ dibangunkan menggunakan perisian *client-server* dan hanya boleh dicapai melalui rangkaian MAIWP.net sahaja. Sistem ini mengandungi rekod pemohon zakat bermula dari proses permohonan, siasatan, perakuan, kelulusan dan juga bayaran. Kemudahan pangkalan data berpusat dapat memudahkan akses kepada semua maklumat pemohon zakat dari wilayah berlainan dalam satu-satu masa.



Bagi mempercepatkan kelulusan pemberian zakat, setiap permohonan akan didaftarkan melalui SMAZ bagi pengiraan had kifayah mengikut ketua keluarga. Had kifayah akan menentukan kategori-kategori asnaf sekiranya layak. Dalam hal ini, pihak MAIWP akan menjalankan penyiasatan bagi memastikan maklumat yang dikemukakan adalah sahih. Permohonan zakat yang diluluskan akan diberikan mengikut kadar jadual yang telah ditetapkan dan pembayaran bantuan kepada pemohon akan dibuat setelah kelulusan diberikan.

**FAEDAH PROJEK :**

- Memastikan hanya pemohon yang layak sahaja menerima bantuan.
- Mempercepatkan proses permohonan bantuan.
- Mengawal kesahihan maklumat penerima bantuan.



|                |                                                 |
|----------------|-------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem eHartanah MAIWP</b>                 |

Sistem eHartanah MAIWP merupakan sebuah aplikasi yang dibina berasaskan web. Sistem ini dibangunkan untuk menyimpan maklumat daftar hak milik/geran kepunyaan MAIWP, senarai premis/ bangunan MAIWP serta maklumat sewaan yang menyewa dengan hartanah MAIWP yang telah didaftarkan. Sistem ini hanya boleh diakses oleh pengguna yang berdaftar dan hanya boleh dicapai melalui rangkaian MAIWP.net sahaja.

Sistem ini diguna pakai oleh Unit Hartanah dan Sewaan, Bahagian Pembangunan dan Pelaburan MAIWP. Kaedah pengemaskinian data melalui sistem ini dapat dilakukan dengan lebih cekap dan teratur. Salinan dokumentasi rasmi seperti dokumen hak milik, gambar dan lokasi dapat dikemas kini dengan lebih sistematik.

#### **FAEDAH PROJEK :**

- Menggantikan kaedah manual menggunakan *Microsoft Excel* kepada kaedah yang lebih sistematik berasaskan web.
- Membantu pegawai di unit berkenaan untuk menguruskan maklumat Hartanah MAIWP dengan lebih cekap, teratur dan fleksibel.
- Memastikan tiada pertindihan data dalam proses kemasukan maklumat hartanah.
- Membantu pegawai dan kakitangan menjana laporan hartanah.

**Jabatan : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia**  
**Projek : Sistem Tapisan Keselamatan Atas Talian (e-Vetting 2.0)**

Pejabat Ketua Pegawai keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) telah melancarkan sistem *e-Vetting 2.0* bagi menggantikan kaedah permohonan tapisan keselamatan secara manual dan Sistem *e-Vetting 1.0*. Sebelum ini, Pejabat KPKK telah memproses permohonan tapisan keselamatan dengan menggunakan dua kaedah iaitu secara manual (borang KPKK 11 dan borang BTK.KPKK Pin.1/12) dan secara dalam talian atau lebih dikenali sebagai Sistem *e-Vetting 1.0*. Sistem terdahulu telah diguna pakai sejak 21 Jun 2011 dengan fungsi-fungsi yang terhad. Sistem *e-Vetting 2.0* telah ditambah baik bagi meningkatkan kecekapan dalam urusan tapisan keselamatan terutamanya aspek permohonan, pengesahan jabatan, proses semakan dan saringan serta pengeluaran keputusan yang dapat dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian sahaja.



Sistem *e-Vetting 2.0* dapat meningkatkan kecekapan urusan memproses permohonan tapisan keselamatan. Setiap keputusan permohonan dapat dikeluarkan dengan lebih efisien, kos efektif malahan dapat mengelakkan karenah birokrasi. Sistem ini juga boleh diperluas penggunaannya bagi menyemak status warganegara pihak kontraktor/vendor/pakar perunding di Kementerian/Jabatan/Agensi. *e-Vetting* dapat mewujudkan rangkaian kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan melalui perkongsian maklumat secara integrasi mengenai semakan tapisan keselamatan.

#### IMPAK

Perkhidmatan awam bebas daripada pegawai dan kakitangan yang mempunyai rekod jenayah dan rekod keselamatan bagi memastikan individu yang dilantik dalam perkhidmatan awam mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Keyakinan orang awam terhadap sistem tadbir urus kerajaan lebih tinggi kerana mempunyai penjawat awam yang berintegriti dan bebas daripada rekod yang meragukan.

**Jabatan : Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia**

**Projek : Sistem Pengurusan Probet dan Pentadbiran**

Sistem Pengurusan Probet dan Pentadbiran yang dibangunkan oleh Pejabat Pengurusan Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bertujuan mempercepatkan proses pendengaran kes Probet dan Surat Kuasa Mentadbir yang



kebiasaannya dilaksanakan secara manual dan melibatkan dokumen yang tebal, fail yang banyak serta mengambil masa yang panjang untuk diproses.

Surat Kuasa Mentadbir (LA) dan Probet pewaris yang memohon untuk mentadbir harta si mati akan memfailkan permohonan di Mahkamah Negeri, Amanah Raya Berhad dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian di seluruh Malaysia. Proses ini seterusnya akan dirujuk kepada Bahagian Kuasa Mati, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebagai pejabat pendaftaran utama yang mengeluarkan surat kuasa mentadbir bagi menyemak sekiranya permohonan pernah dikemukakan di tempat lain atau terdapat notis permohonan kaveat ke atas harta si mati sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan dan perintah mentadbir harta si mati diberikan.

| BIL | JABATAN/AGENSI     | TAHUN |       |       |       |       |       |       |
|-----|--------------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
|     |                    | 2008  | 2009  | 2010  | 2011  | 2012  | 2013  | 2014  |
| 1   | Amanah Raya Berhad | 7629  | 7610  | 7738  | 8486  | 8280  | 8967  | 19678 |
| 2   | Mahkamah Tinggi    | 5385  | 6101  | 6363  | 7102  | 7692  | 8896  | 58957 |
| 3   | JKPTG              | 32333 | 39441 | 39002 | 40815 | 43400 | 45252 | 41762 |

Bagi mengatasi prosedur yang panjang berkenaan, sistem ini dapat mempercepatkan proses pendengaran kes Probet dan Surat Kuasa Mentadbir di samping menjimatkan kos operasi dan pengurangan tempoh proses kerja. Pembangunan sistem ini melibatkan dua fasa yang iaitu fasa pembangunan dan fasa penambahbaikan dengan menambah modul baru di dalam projek e-Kehakiman serta kemasukan maklumat ke dalam pangkalan data.



Sistem ini berfungsi selaras dengan aturan 71 kaedah-kaedah mahkamah 2012 melalui permohonan Borang B (kad biru) dari Pejabat Tanah Daerah, Pejabat Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi dan Amanah Raya Berhad yang dilaksanakan secara dalam talian. Permohonan ini boleh disemak dengan memasukkan maklumat nombor kad pengenalan, nama dan tarikh si mati. Sistem ini akan mengeluarkan



Borang C (putih) sekiranya tiada sebarang permohonan terdahulu atau kaveat, manakala Borang C (kuning) akan dilakukan jika berlaku sebaliknya. Setelah lengkap diproses, Borang C akan terus dihantar kepada Penolong Kanan Pendaftar untuk ditandatangani dan akan dihantar ke jabatan/agensi yang ditetapkan.

#### **IMPAK**

- Kesan yang positif di dalam menguruskan carian serta meningkatkan integriti data sejarah.
- Tahap kebolehpercayaan perakuan dan tahap ketelusan pengurusan data juga dipertingkatkan.
- Proses melibatkan surat kuasa mentadbir dan probet dapat dikurangkan.
- Kos pengurusan permohonan dapat dihapuskan secara total.

|                |                                                   |
|----------------|---------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman</b>         |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pengurusan Maklumat Biodata Hakim</b> |

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) telah membangunkan satu sistem Pengurusan Maklumat Biodata Hakim. Sistem ini dibangunkan bertujuan menyediakan maklumat lengkap mengenai biodata dan butir-butir perkhidmatan hakim mahkamah atasan. Selain itu, sistem ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan capaian dibuat oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan.



Sistem ini dibangunkan secara *intranet* yang membolehkan capaian yang lebih luas kepada pegawai-pegawai SPK yang terlibat dalam urusan berkenaan. Secara umumnya, sistem ini mampu menyimpan segala maklumat biodata hakim mahkamah atasan yang lengkap dengan tepat dan terkini serta mudah bagi melaksanakan urusan pelantikan, pelanjutan perkhidmatan, kenaikan pangkat, penganugerahan darjah kebesaran dan urusan-urusan lain dengan lebih berkesan dan sistematik.

Sistem ini berkebolehan untuk menjana laporan statistik keanggotaan dan pengisian serta tarikh persaraan hakim-hakim mahkamah atasan secara sistematik. Secara tidak langsung sistem ini mampu mempercepatkan proses urusan yang berkaitan menjadi lebih singkat. Malahan penjimatan dari segi penggunaan kertas dapat diatasi secara berperingkat.



**Jabatan : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**  
**Projek : e-Diary (Sistem Pelaporan Harian Rasmi Berkomputer)**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah melancarkan sistem pelaporan harian rasmi berkomputer atau e-Diary. Sistem ini bertujuan membolehkan pegawai/kakitangan SPRM merekodkan aktiviti/tugasan harian mereka secara dalam talian. e-Diary juga membolehkan pegawai/ kakitangan SPRM mengemukakan permohonan kebenaran meninggalkan pejabat atau keluar daerah tanpa perlu mengisi borang secara manual.

The image displays the e-Diary web application interface. The main header features the SPRM logo and the title 'e-Diary Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia'. The left sidebar contains user information (Jahaidah binti Jatu, BPRTM) and navigation links like 'Aktiviti', 'Laporan Hari Ini', and 'Manual Pengguna'. The main content area is titled 'Aktiviti' and shows a form for logging activities with fields for 'Tarikh Dilaporkan', 'Perkara / Aktiviti', 'Nama Aktiviti', 'Tarikh', 'Masa', 'Lokasi', 'Kebeneran Keluar', and 'Temujanji'. A smaller inset window shows the login page with fields for 'ID Pengguna' and 'Kata laluan'.

Pembangunan berasaskan web, e-Diary sangat efisien kerana sistem ini boleh dicapai dengan menggunakan kemudahan teknologi yang terkini seperti telefon pintar dan komputer riba yang mempunyai sambungan *internet*. Paparan antara muka (*interface*) yang ringkas dan mesra pengguna memudahkan penggunaanya.

Sistem ini dapat merekodkan aktiviti serta pergerakan pegawai dan kakitangan SPRM dan secara tidak langsung ia memudahkan penyelia/pegawai kanan memantau aktiviti dan pergerakan pegawai/kakitangan di bawah seliaannya secara *real time*. Ia juga turut memudahkan pelaporan dan pemakluman oleh pegawai/kakitangan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pegawai/kakitangan dengan penyelia/pegawai kanan. Projek ini juga telah menjadi Johan Konvensyen KIK SPRM pada tahun 2014 dan Johan Anugerah Inovasi SPRM pada tahun 2014.



**Jabatan : Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat**  
**Projek : Aplikasi Mudah Alih MeterOn**

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

(SPAD) telah membangunkan projek *MeterOn* sebagai inisiatif di bawah Pelan Transformasi Teksi yang bertujuan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan teksi Malaysia. Aplikasi ini memberi kemudahan menerusi saluran aduan dalam aplikasi



#### ENAM FUNGSI UTAMA *MeterOn*

- Pengeluaran pemandu teksi
- Penjejak perjalanan
- Pengiraan anggaran tambang
- Penilaian pemandu
- Saluran aduan/maklum balas
- SOS alert

telefon pintar dan pemberian akses maklumat perkhidmatan teksi kepada penumpang. Aplikasi *MeterOn* merangkumi data yang menyeluruh mengenai pemandu teksi berlesen (termasuk teksi lapangan terbang dan kereta sewa) di seluruh Semenanjung Malaysia. *MeterOn* turut memberi maklumat mengenai perjalanan seperti tambang serta saluran untuk mengemukakan sebarang

aduan mengenai servis teksi yang diterima kepada pihak SPAD. Nama *MeterOn* diberikan kepada aplikasi ini sebagai peringatan kepada pengguna teksi agar memastikan pemandu teksi menggunakan meter dan melaporkan kepada SPAD sekiranya pemandu teksi enggan menggunakan meter.

#### OBJEKTIF

Untuk membangunkan sebuah sistem maklumat pemandu perkhidmatan awam yang bersepadu, menyeluruh dan juga dipakej untuk kegunaan awam.

Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan industri teksi dengan mengubah paradigma industri ini kepada sebuah industri yang bertanggungjawab dan berasaskan prestasi.

Untuk meningkatkan akses dan keterbukaan maklumat sektor awam supaya dapat membina pengguna/penumpang pengangkutan awam yang berpengetahuan dan perkasa.

Untuk memenuhi keperluan pengguna untuk mendapat perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat dan boleh dipercayakan.

*MeterOn* dilihat amat signifikan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan teksi. Melalui aplikasi ini rakyat turut dapat membantu SPAD dengan memberikan maklum balas segera mengenai kualiti perkhidmatan teksi. Industri perkhidmatan teksi akan didorong melalui kaedah penghargaan terhadap perkhidmatan berkualiti manakala yang buruk akan dikenakan tindakan. Konsep *MeterOn* berpotensi diperluaskan kepada jenis pengangkutan awam yang lain.

**Jabatan : Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)**  
**Projek : ePengesahan**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah membangunkan sistem ePengesahan untuk membolehkan Bahagian/ Unit Pengurusan Sumber Manusia Kementerian/ Jabatan/ Agensi membuat pengisian maklumat pegawai dalam talian tanpa perlu mengemukakan dokumen secara fizikal. Hal ini dapat menggantikan proses pengisian dan penghantaran perakuan secara manual. Maklumat mengenai urusan perkhidmatan berkenaan akan disimpan oleh Kementerian/ Jabatan untuk tujuan naziran pegawai SPA yang akan dilaksanakan secara berkala.



Sistem ini dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Maklumat SPA. Perkakasan dan perisian yang digunakan adalah kebanyakannya dari sumber terbuka (*Open Source*). Modul ePengesahan terbahagi kepada tiga iaitu pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen. Setiap modul berkenaan akan diselenggara oleh empat pengguna yang berbeza peranannya iaitu, pegawai penyedia, pegawai penyemak dan pegawai peraku. Hal ini bertujuan untuk memastikan data yang dikemukakan adalah tepat dan telah ditentu sahkan. Pegawai pemantau akan menerima laporan harian dan status pelaksanaan urusan perkhidmatan yang dihantar terus melalui e-mel kepada Setiausaha Bahagian.

|                |          |                                                     |
|----------------|----------|-----------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>:</b> | <b>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>:</b> | <b>ePertanyaan V2</b>                               |

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melancarkan sistem ePertanyaan V2 yang merupakan sistem pertanyaan aduan calon terhadap perkhidmatan di bawah kawalan dan bidang kuasa SPA. Sistem ini membolehkan calon mengemukakan pertanyaan, membuat aduan, memberi pendapat secara dalam talian. Sistem ini disediakan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pertanyaan dan aduan yang dikemukakan kepada pegawai SPA.



Sistem ePertanyaan v2 ini telah dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan pendekatan model *Rapid Application Development (RAD)* dan perisian sumber terbuka. Ia direka bentuk semula berpandukan sistem asal serta menambah baik beberapa ciri-ciri sistem berdasarkan maklum balas yang diterima oleh pengguna dan pegawai SPA. Modul utama yang dibangunkan dalam sistem ini adalah seperti berikut:

1. Aduan & Pertanyaan Baru
2. Semak Status Aduan
3. Lupa Nombor Aduan
4. Lihat Soalan Lazim (FAQ)





**Jabatan : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)**  
**Projek : TIMES (Sistem Tindakan Minit Mesyuarat)**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM telah menyediakan Sistem Tindakan Minit Mesyuarat (TIMES) untuk memantau penyediaan maklum balas dan tindakan keputusan mesyuarat. Ia memudahkan penyelarasan oleh pihak urus setia mesyuarat dan pegawai yang dipertanggungjawabkan mengemukakan maklum balas minit mesyuarat dalam tempoh waktu yang ditetapkan.



TIMES merupakan aplikasi dalam talian yang dibangunkan secara dalaman oleh Pusat Bank Data Negara dan Inovasi, ICU JPM pada tahun 2008. Kemudahan notifikasi dan pesanan melalui emel yang diwujudkan oleh sistem ini telah membantu urus setia memantau maklum balas dan tindakan minit mesyuarat secara dalam talian dengan lebih cepat dan efisien. Hasil daripada penyelarasan dan pengurusan maklum balas yang efisien, pegawai juga boleh menjana laporan secara telus dan membuat analisis maklum balas dengan mudah.



**Jabatan : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)**  
**Projek : Sistem Bank Inovasi**

Sistem Bank Inovasi yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM merupakan sistem yang memberi kemudahan kepada warga ICU JPM untuk menyalurkan cadangan dan cetusan idea-idea kreatif yang boleh diguna pakai oleh Jabatan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Ia juga berperanan sebagai pangkalan data bagi menyimpan dan mengurus idea, ilmu serta inovasi yang dihasilkan.



Pembangunan Sistem Bank Inovasi dilaksanakan menggunakan kepakaran dalaman dan menggunakan teknologi sumber terbuka. Sistem ini telah banyak membantu dalam meminimumkan proses kerja, meningkatkan produktiviti dan membantu memudahkan pelaporan inovasi. Ia juga merupakan kaedah pemantauan yang baharu menggunakan kaedah *traffic light* yang dapat memantau status pencapaian inovasi dengan lebih cepat, sistematik dan berkesan. Bermula daripada cetusan idea, pelaksanaan, pemantauan sehingga penilaian *outcome*, sistem ini mempunyai *life-cycle* keseluruhan aspek inovasi. Sistem Bank Inovasi adalah salah satu platform yang berkesan di ICU JPM bagi memupuk budaya perkongsian ilmu merentasi organisasi dan meningkatkan budaya inovasi dalam menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif bagi memenuhi ekspektasi serta melangkaui kehendak dan *stakeholders*.






**Jabatan : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)**  
**Projek : Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih)**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM telah melancarkan Bank Data Kemiskinan Nasional atau eKasih. Aplikasi berkonsepkan *mobile* ini bertujuan memberi kemudahan kepada perangkawan di pejabat pembangunan persekutuan atau jabatan pembangunan persekutuan ICU JPM dalam membuat pemutihan data eKasih di lapangan secara *real-time* dengan cepat, mudah dan efisien.


Aplikasi *mobile* eKasih dibangunkan secara bersama dengan pihak luar manakala sebahagian modul dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman. Sistem ini mampu memautkan maklumat mengenai kemiskinan bermula daripada profil individu, program/bantuan yang diterima serta pemantauan keberkesanan program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR).



The screenshot displays the 'Profil Ketua Isi Rumah' (Household Head Profile) form within the eKasih application. On the left, a sidebar menu lists 'SENARAI' (List) and 'KIR' (Household Head). The main form area is divided into two columns. The left column contains input fields for personal and contact information: Name (AHAMAD DAMAHURI BIN), No. KP (50100206297), Jumlah Pendapatan (21100.00), Status Miskin (dropdown menu), Alamat Lengkap (No Rumah/ Nama Jalan/ Tingkat/ Blok) (NO 25), Taman / Kampung (TAMAN ZABIDIN), Bandar (MENTAKAB), No. Telefon (Tetap), No. H/P (0139658358), Tahun Lahir (1950), and Umur (64). The right column contains fields for identification and status: Gambar Ketua Isi Rumah (photo), Gambar Rumah Kediaman (photo), Status Perkahwinan (Berkahwin), Status Pekerjaan (Tiada Pekerjaan), Jenis Pekerjaan (dropdown menu), Latitude (2.93759991020289), Longitude (101.692873415736), and Tarikh Akhir Dikemaskini (8/11/2012).

Sebelum lawatan pemutihan dijalankan, pegawai akan menyemak maklumat eKasih dan mengenal pasti sebarang maklumat yang tidak lengkap/ tepat . Setelah itu, pegawai akan membuat lawatan ke lapangan untuk menjalankan sesi soal-selidik bersama KIR bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan butiran KIR, AIR, bantuan serta pendapatan. Butiran yang telah diperolehi daripada KIR termasuk gambar KIR dan gambar kediaman akan dilengkapi kembali dan dikemas kini ke dalam Portal eKasih. Hasil dari inisiatif yang dihasilkan, sistem ini pernah memenangi tempat pertama di *United Nation Public Service Awards (UNSPA)* dalam kategori *Advancing Knowledge Management in Government*.





#### FAEDAH PROJEK

- Pengemaskinian secara telus di lapangan (*Online/Offline*).
- Mempunyai maklumat profil - KIR, AIR, bantuan dan pendapatan.
- Semakan senarai pemutihan.
- Menyimpan koordinat GPS dan mengambil gambar secara terus melalui peranti *mobile*.

**Jabatan** : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)  
**Projek** : ICU Information Dashboard for Executive (InDEX)

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM telah melancarkan sistem *ICU Information Dashboard for Executive* atau singkatannya *InDEX*. Sistem ini merupakan *executive dashboard* yang menyatukan semua maklumat-maklumat utama jabatan dalam platform yang dinamik dan interaktif. Maklumat yang disatukan termasuklah prestasi projek Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun (RMLT), statistik kemiskinan, prestasi projek-projek kecil, maklumat pembangunan daerah, prestasi perbelanjaan mengurus, prestasi piagam pelanggan, maklumat perjawatan, aduan serta statistik penduduk di Malaysia. InDex turut menyediakan infrastruktur maklumat terkini dari pelbagai sistem dan sumber bagi pihak pengurusan mendapatkan pelbagai maklumat dengan cepat dan tepat sebagai input untuk membuat keputusan dan tindakan intervensi.




Sistem ini dibangunkan secara *joint development* bersama pihak luar pada Julai 2011 hingga Julai 2012 dan sebahagian modulnya dibangunkan secara dalaman oleh pegawai ICU JPM. Pelaksanaan InDex dilihat signifikan kepada pihak ICU JPM kerana impaknya dapat menepati objektif dalam mewujudkan *one-stop-centre* bagi pihak pengurusan mendapatkan maklumat-maklumat penting secara *dashboard* yang menarik dan mudah berbanding sistem konvensional yang hanya menyediakan maklumat serta format yang terhad.



Melalui pelaksanaan InDex, pihak pengurusan ICU JPM dapat memantau pelaksanaan inisiatif di peringkat nasional yang diterajui oleh ICU JPM. Sistem ini berpotensi untuk diperluaskan kepada *horizontal analysis and data mining* serta maklumat-maklumat luaran yang lain seperti pencapaian *Key Performance Indicator (KPI)*. Ia bukan sahaja menghasilkan *focal point* bagi pihak pengurusan ICU JPM malah ia turut berfungsi untuk mendapatkan gambaran secara holistik terhadap semua petunjuk prestasi yang berkaitan dengan fungsi utama ICU JPM. InDex telah memenangi tempat kedua bagi Anugerah Inovasi JPM 2013 kategori ICT.

|                |                                                                     |
|----------------|---------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU)</b>                          |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Pengurusan Iklan dan Pemantauan Sebut harga (SPIPS)</b> |

Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM negeri Kelantan telah membangunkan Sistem Pengurusan Iklan dan Pemantauan Sebut Harga atau dikenali sebagai SPIPS. SPIPS merupakan aplikasi yang dapat memudahkan pengurusan pengiklanan dan pemantauan projek sebut harga serta dapat mengatasi masalah proses penjualan dokumen sebut harga terdahulu yang kurang efisien. Pengguna sistem ini adalah orang awam, kontraktor, pejabat pengiklan sebut harga, pendaftar projek, penyelia projek dan pentadbir sistem.



SPIPS dibangunkan secara *web based* supaya pengguna dapat melayarinya secara mudah. Ia juga dapat mengatasi masalah kelewatan iklan sebut harga untuk dimuat naik ke portal rasmi Jabatan. Pihak kontraktor juga dapat mengetahui tentang sesuatu iklan sebut harga secara percuma pada bila-bila masa dan dari mana-mana sahaja. Sistem ini turut digunakan sebagai alat pemantauan projek yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor merangkumi maklumat perancangan projek sehingga ke penutupan projek yang dikemaskini secara berperingkat.



Sistem ini adalah projek capaian mudah, web based, menjimatkan masa, kos dan juga tenaga kontraktor. Seramai 1,535 kontraktor di negeri Kelantan telah berdaftar dalam SPIPS dan 1,185 pendaftaran telah disahkan. Sistem ini mendapat sambutan yang menggalakkan kerana ia boleh dicapai menggunakan peralatan mobil seperti *iPad*, *iPhone* dan juga peralatan yang berasaskan android.



|                |                                                               |
|----------------|---------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)</b>                  |
| <b>Projek</b>  | <b>: Business Licensing Electronic Support System (BLESS)</b> |

*Business Licensing Electronic Support System (BLESS)* yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) merupakan pusat perkhidmatan setempat dalam talian yang menyediakan kemudahan untuk syarikat memohon lesen/permit bagi memulakan perniagaan di Malaysia. BLESS adalah portal perkhidmatan dalam talian yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan para peniaga yang ingin memulakan atau menjalankan perniagaan di Malaysia dan menyediakan akses maklumat yang luas mengenai Kerajaan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perniagaan. Ia juga menyediakan sistem pengemukaan maklumat secara dalam talian bagi permohonan lesen/kelulusan/permit, serta sistem pengesanan bagi mengesan status permohonan yang dibuat menerusi BLESS.




Kementerian dan agensi yang terlibat juga boleh memproses dan meluluskan permohonan lesen, kelulusan atau permit secara dalam talian. BLESS membolehkan pemohon untuk memohon pelbagai jenis lesen berkaitan perniagaan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berbeza di satu tempat dan pada suatu ketika. Ia merupakan sebuah perkhidmatan kaunter Kerajaan secara maya yang dapat melancarkan urusan permohonan lesen-lesen perniagaan dengan lebih mudah, cekap dan teratur.

Ciri-Ciri Utama BLESS:

1. Pelbagai lesen yang melibatkan pelbagai agensi
2. Proses permohonan dan kemas kini kedudukan permohonan secara serentak oleh agensi-agensi yang berkaitan
3. Borang komposit yang seragam
4. Penghantaran permohonan secara atas talian
5. Kelulusan dan pemberitahuan secara atas talian
6. Pertanyaan secara atas talian
7. Pengesanan dan pemantauan secara atas talian

8. Pembayaran secara elektronik
9. Mekanisme maklum balas
10. Latihan amali terbaik (repositori ilmu)
11. Dwibahasa



**Jabatan : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)**

**Projek : UCMe Tube**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) telah melancarkan UCMe Tube. UCMe Tube berfungsi sebagai stesen TV dalam yang menyediakan tayangan video berdasarkan permintaan penonton, pelanggan dan pengguna internet. UCMe Tube telah dapat menarik penonton dalam penyebaran mesej organisasi/kerajaan mahu pun *rating* portal rasmi ICU JPM.

Bahan tayangan UCMe Tube adalah sumber daripada suntingan rakaman peristiwa dan produksi eksklusif ICU JPM. Bahan-bahan tersebut telah disediakan dalam beberapa format siaran TV seperti klip audio/video, mini-dokumentari, suntingan ucapan, treler, rencana dan lain-lain. Konsep tayangan secara sehala pada 2009 telah ditambah baik pada 2010 dengan menyediakan ruangan *shout-box* bagi mendapatkan maklum balas daripada penonton.




**UCME TUBE - KOLEKSI AUDIO/VIDEO**

|                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <b>Sorotan 2016</b><br>★★★★☆<br>Dilihat sebanyak <b>196</b> kali           |  <b>Perhimpunan Bulanan JPM 6 Feb ...</b><br>★★★★☆<br>Dilihat sebanyak <b>198</b> kali  |
|  <b>Lagu Negaraku Terkini</b><br>★★★★☆<br>Dilihat sebanyak <b>436</b> kali |  <b>Perhimpunan Bulanan JPM 9 Jan ...</b><br>★★★★☆<br>Dilihat sebanyak <b>252</b> kali |

**UCME TUBE - KOLEKSI AUDIO / VIDEO**

Bahan Promo | Aktiviti ICU JPM | Projek Pembangunan Negara | E-Learning | Koleksi Audio



HD FLV Player

UCMe Tube - Video Projek Pembangunan Negara : Aku Janji Kerajaan Persekutuan : UTC (Kemaskini : 18/04/2016)  
★★★★☆  
Dilihat sebanyak **1219** kali [0 Komen]



|                |                                                                                                     |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)</b>                                                        |
| <b>Projek</b>  | <b>: Sistem Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas urusan Persendirian (eVisit)</b> |

Sistem Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas urusan Persendirian (eVisit) yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM bertujuan memudahkan pengemukaan permohonan perjalanan pegawai awam



ke luar negara atas urusan persendirian secara dalam talian. eVisit mampu dicapai secara meluas dan berkonsepkan *web based* serta mematuhi ketetapan yang digariskan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 dan Pekeliling Pentadbiran ICU JPM.

eVisit dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman ICU JPM pada tahun 2014. Sistem ini telah berjaya mengurangkan tempoh proses yang diambil secara purata daripada 11 hari kepada 7 hari sahaja dan memberi kesan dalam menambah baik prosedur permohonan dalaman dan produktiviti organisasi. Ia juga dapat menjimatkan masa serta mampu mengelakkan keciciran pemprosesan malah dapat mempercepatkan pemakluman kelulusan kepada pemohon. evisit juga dapat menyimpan semua maklumat permohonan dan digunakan sebagai pelaporan bagi tujuan pemantauan kekerapan pegawai ke luar negara atas urusan persendirian.

The screenshot shows the eVisit system interface. At the top, there is a banner with the eVisit logo and the text 'SISTEM PERMOHONAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN'. Below the banner, there is a progress bar with seven steps: 1. Isi borang permohonan, 2. Upload gambar dokumen sokongan, 3. Hantar borang permohonan, 4. Pengesahan oleh Unit Setia, 5. Semak status Permohonan, 6. Semak status Permohonan, 7. Keluar dari Pelais. The progress bar is labeled with 'A'. Below the progress bar, there is a form titled 'PERMOHONAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN'. The form has a section for 'MAKLUMAT PEMOHON' with fields for Nama Pegawai, No. Kad Pengenalan, Jawatan / Gred, and Jabatan / Kementerian. The form is labeled with 'B'.


**Jabatan : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Projek : Digital Document Management System (DDMS)**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan sistem *Digital Document Management System* atau dikenali sebagai *DDMS*. *DDMS* adalah pengurusan rekod yang berupaya untuk mengurus pelbagai jenis format rekod dalam sektor awam. *DDMS* dibangunkan dalam persekitaran web dan memenuhi kitar hayat pengurusan rekod serta mematuhi MS ISO 16175.

Projek pelaksanaan *DDMS* sektor awam merupakan salah satu inisiatif di bawah *Entry Point Projects (EPP8) eGovernment* iaitu pelaksanaan '*Paperless Government*'.

Projek ini berada di bawah *Communication, Content and Infrastructure (CCI)* yang merupakan antara 12 *National Key Economic Areas (NKEA)* yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan di dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).



Sistem ini membolehkan dokumen digital dan bukan digital diwujudkan, disimpan, diselenggara, digunakan dan dilupuskan secara elektronik. Melalui penggunaan *DDMS*, semua transaksi akan diuruskan secara elektronik termasuklah penghantaran memo, bahan pembentangan, pekeliling-pekeliling dalaman dan surat antara agensi atau jabatan. Pelaksanaan *DDMS* dapat memastikan pengurusan rekod sektor awam dilaksanakan dengan lebih baik dan cekap apabila ia diurus secara elektronik menggunakan aplikasi *DDMS*. *DDMS* juga menyumbang kepada teknologi hijau kerana persekitaran pejabat Kerajaan akan menjadi lebih kemas tanpa penggunaan kertas. Suasana yang bersih akan menyumbang kepada tahap kesihatan yang tinggi.


#### FAEDAH PROJEK

- Mempertingkatkan capaian, kepantasan dan ketelusan dalam pencapaian perkhidmatan Kerajaan.
- Mewujudkan kawalan sistematik ke arah pengurusan dokumen dan rekod di Sektor Awam.
- Menjamin pemeliharaan *institutional memory*.
- Mengurangkan penggunaan kertas (*paperless*) dalam urusan harian Kerajaan.
- Menyokong pelaksanaan ICT Hijau (*Green ICT*).

**Jabatan :** Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

**Projek :** Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan/  
*Government Public Key Infrastructure (GPKI)*

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan sistem *Public Key Infrastructure (PKI)* atau Prasarana Kekunci Awam. GPKI dibangunkan untuk menjelaskan Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan *Government Public Key Infrastructure (GPKI)* kepada agensi sektor awam untuk memantapkan tahap keselamatan data dan maklumat bagi sistem teknologi maklumat dan komunikasi kerajaan.



#### OBJEKTIF

- Melindungi maklumat dari permintaan semasa transaksi;
- Membenarkan pengguna individu, organisasi dan pengendali laman web untuk mengesahkan identiti antara satu sama lain.
- Memastikan mesej atau dokumen tidak diubah atau rosak; dan
- Menegahkan identiti pengguna, mengelakkan pengguna menyangkal tandatangan digital yang telah dilakukan.

Sistem ini merupakan gabungan perisian, teknologi penyulitan dan perkhidmatan yang membolehkan organisasi melindungi keselamatan komunikasi dan transaksi urus niaga dalam internet. Perkhidmatan GPKI ialah platform keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kerajaan untuk identiti elektronik dan keselamatan data dalam sistem perkhidmatan penyampaian TMK kerajaan.

MAMPU adalah pentadbir GPKI yang mengurus permohonan perkhidmatan PKI, mentadbir portal GPKI dan mengurus Sub Admin (SA) di agensi pelaksana sistem TMK kerajaan.






**Jabatan : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Projek : Government Regional Electronic Advancement Transformation (GREAT) Fasa 1**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melancarkan Portal *myCorridor*. Portal ini merupakan gerbang setempat (*single gateway*) bagi capaian maklumat berkaitan pelaburan



yang terdapat di Iskandar Malaysia, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Lembaga Pembangunan Koridor Utara (NCER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Ia menyediakan maklumat strategik pelabur yang dapat membantu dan menarik minat pelabur dari dalam dan luar negara untuk mengakses maklumat yang diperlukan.

Projek *Government Regional Electronic Advancement Transformation (GREAT)* merupakan peluasan inisiatif transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan di kawasan Lembah Klang ke kawasan pertumbuhan ekonomi strategik iaitu Iskandar Malaysia (IM), ECER, NCER, SDC dan SCORE. Inisiatif ini dibangun berlandaskan penggunaan ICT yang efisien, berkualiti, selamat, mesra pelanggan serta mampu memberi impak tinggi kepada rakyat dan komuniti pelabur seterusnya meningkatkan daya saing negara di peringkat global. GREAT telah menghasilkan dua produk utama iaitu portal *myCorridor* dan Sistem Pengurusan Pelabur.




Portal ini kini telah diakses lebih dari 100 buah negara di serata dunia seperti Singapura, Amerika Syarikat, India, Jepun, Australia, Korea dan lain-lain. Pencapaian hit portal ini diukur menggunakan *online survey* iaitu menggunakan perisian [SurveyMonkey.com](http://SurveyMonkey.com) yang telah diletakkan di portal ini.

| PENCAPAIAN HIT PORTAL                         |        |
|-----------------------------------------------|--------|
| Maklumat                                      | Jumlah |
| Bilangan Negara Akses                         | 113    |
| Purata Hit Sebulan                            | 522    |
| Jumlah Hit Dalam Negara                       | 9,706  |
| Jumlah Hit Luar Negara                        | 3,355  |
| Jumlah Hit dari Mac 2013 hingga 15 April 2015 | 13,061 |

**Jabatan : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Projek : Sistem Pengurusan Pelabur (IMS)**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan sistem pengurusan pelabur atau IMS. Sistem yang berasaskan *web-based* ini dibangunkan untuk membantu pihak berkuasa koridor yang telah dilaksanakan secara *pilot* di Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dalam mengurus maklumat pelabur dan pelaburan serta mengurus *engagement* di antara pelabur dan *stakeholder*. IMS direka bentuk untuk mewujudkan satu repositori maklumat pelabur secara berpusat bagi menggalakkan komunikasi, kolaborasi dan perkongsian maklumat merentasi bahagian dalam organisasi tersebut.



Melalui portal *myCorridor*, maklumat pelaburan dapat disampaikan kepada pelabur dari dalam dan luar negara mengenai peluang pelaburan di koridor ekonomi dengan lebih meluas melalui *single investment gateway*. Secara tidak langsung, *myCorridor* mampu memberi kesan kepada peningkatan daya saing negara di peringkat global. Selain itu, Sistem Pengurusan Pelabur juga membantu pihak IRDA dalam mengurus maklumat pelaburan dengan lebih sistematik menggunakan sistem IMS yang telah dibangunkan dan dapat berkongsi maklumat pelaburan dengan pegawai daripada bahagian IRDA. Format laporan yang diperlukan juga dapat dijana di peringkat pengurusan agensi dan peringkat pusat.



|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Malaysia Trustmark Sektor Awam (MTSA)</b>                               |

Malaysia Trustmark Sektor Awam atau MTSA yang diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) merupakan satu mekanisme untuk mentauliahkan perkhidmatan dalam talian terutamanya yang melibatkan e-pembayaran di agensi sektor awam menjadi lebih selamat dan boleh dipercayai. MTSA akan ditauliahkan kepada agensi sektor awam yang telah mencapai standard dan pematuhan yang tinggi dari segi:



1. Pendedahan maklumat, terutama dalam memberi maklumat yang tepat dan mudah dicapai oleh pengguna melalui aplikasi atau laman web e-pembayaran;
2. Amalan perniagaan dari segi komunikasi dan memenuhi keperluan pengguna, termasuklah polisi pembatalan dan pembayaran balik; dan
3. Alternatif Penyelesaian Pertikaian (*Alternative Dispute Resolution, ADR*), iaitu kaedah bagi menyelesaikan pertikaian di antara pengguna dengan agensi sektor awam.

Bagi aplikasi yang berjaya ditauliahkan dengan MTSA, satu cap jaminan (*trust seal*) akan dipamerkan untuk mengesahkan kesahihan dan meningkatkan tahap kepercayaan dan penerimaan pengguna terhadap perkhidmatan dalam talian terutamanya yang melibatkan transaksi bayaran dari segi kerahsiaan, ketersediaan dan kesahihan maklumat di dalam aplikasi atau laman sesawang yang terlibat. Pengauditan yang dijalankan memberi fokus kepada enam (6) bidang utama berdasarkan kepada kriteria yang diiktiraf oleh *World Trust Alliance (WTA)* iaitu *disclosure of information, alternative dispute, practices, resolution, security, monitoring and privacy*.

| KATEGORI APLIKASI YANG DI AUDIT TERBAHAGI KEPADA TIGA TRUST LEVEL |                                              |
|-------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| <i>Trust Level 1</i>                                              | Tidak melibatkan <i>gateway</i> pembayaran   |
| <i>Trust Level 2</i>                                              | Melibatkan <i>gateway</i> pembayaran pihak   |
| <i>Trust Level 3</i>                                              | Melibatkan <i>gateway</i> pembayaran sendiri |



Logo Malaysia *Trustmark* terpakai kepada dua (2) skim:

- Malaysia *Trustmark* Sektor Awam (MTSA).
- Malaysia *Trustmark* Sektor Swasta (MTPS).



#### FAEDAH PROJEK

- Menggalakkan amalan baik dalam perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh agensi sektor awam dan membantu pengguna mengenal pasti agensi yang dapat memberi perkhidmatan yang boleh dipercayai.
- Meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kesahihan maklumat bagi setiap transaksi perkhidmatan dalam talian sektor awam seterusnya dapat merangsang pembangunan perkhidmatan e-pembayaran di sektor awam.

|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Malaysia One Call Centre (1MOCC)</b>                                    |

Mesyuarat Jawatankuasa *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara pada 20 September 2012 telah bersetuju supaya Projek Pusat Panggilan 1Malaysia atau 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) dijadikan sebagai salah satu projek aplikasi perdana di bawah NBOS yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). 1MOCC telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012 dan mula beroperasi pada tarikh yang sama.



1MOCC adalah merupakan satu inisiatif bitara oleh MAMPU untuk memudah cara komunikasi orang awam dengan agensi kerajaan serta menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui penggunaan konsep Pusat Panggilan Setempat dengan (*Single Point of Contact*) iaitu satu nombor telefon tunggal (03 8000 8000), sms, e-mel, media sosial dan faks. Perkhidmatan yang disediakan oleh 1MOCC membolehkan orang ramai membuat pertanyaan, aduan dan cadangan kepada pelbagai agensi kerajaan secara 24 jam, 7 hari seminggu.



Antara faedah yang dicapai melalui projek ini adalah ia memudahkan komunikasi rakyat dengan Jabatan/Agensi Kerajaan melalui konsep *single point of contact* dengan penggunaan pelbagai saluran komunikasi (telefon, sms, emel, media sosial, faks), menyediakan perkhidmatan *end to end resolution*, di mana PKP Pusat Panggilan 1MOCC akan menjawab setiap pertanyaan, aduan dan cadangan dengan cepat dan tepat dan menyediakan perkhidmatan secara berterusan 24 jam, 7 hari seminggu kepada rakyat bersesuaian dengan konsep '*government round the clock*' serta berupaya meningkatkan penyelesaian kes berkaitan pertanyaan dan aduan di waktu luar pejabat. Sistem ini juga mempromosikan penjimatan kos yang dinikmati oleh rakyat apabila membuat panggilan ke jabatan/ agensi melalui Pusat Panggilan 1MOCC dengan kos yang dikenakan kepada pemanggil adalah RM0.05 sen bagi talian tetap Telekom Malaysia dan RM0.10 sen bagi talian telefon mudah alih.



**Jabatan : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

**Projek : Projek Peluasan myIDENTITY**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan *myIDENTITY* bagi menyediakan maklumat peribadi warganegara dan pemaustatin tetap yang diperoleh daripada sumber asal yang boleh digunakan oleh agensi kerajaan. Selain itu, *myIDENTITY* boleh memudahkan warganegara dan pemaustatin tetap dalam berurusan dengan agensi kerajaan tanpa perlu membekalkan maklumat peribadi berulang kali. *myIDENTITY* juga dapat memastikan maklumat peribadi warganegara dan pemaustatin tetap secara tepat, terkini dan konsisten.

Pelaksanaan *myIDENTITY* adalah projek perintis *Citizen Registry System (CSR)* yang dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK). Ia juga turut bertitik tolak daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Januari 2009 berkaitan pengwujudan pangkalan data bersepadu yang mengandungi maklumat warganegara Malaysia yang boleh diakses oleh semua agensi kerajaan. Pelaksanaan *myIDENTITY* melibatkan maklumat individu seperti nombor kad pengenalan, nama, tarikh lahir, jantina, alamat tetap, alamat surat-menyurat, nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel. *myIDENTITY* telah dilaksanakan secara perintis mulai Disember 2011 di empat (4) agensi barisan hadapan iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaku *custodian*, Jabatan Imigresen Malaysia (IMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).



[www.myidentity.gov.my](http://www.myidentity.gov.my)



**myIDENTITY**  
Hanya sekali...semudah itu!

Seterusnya, pelaksanaan *myIDENTITY* diperluaskan ke enam (6) lagi agensi pada 2015. Agensi-agensi yang terlibat dalam peluasan ini adalah seperti berikut:

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
2. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
4. Jabatan Tenaga Kerja (JTK).
5. Polis Diraja Malaysia (PDRM).
6. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).



## FAEDAH PROJEK

| INDIVIDU                                                                                                                    | KERAJAAN                                                                                                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Individu tidak lagi perlu memberikan maklumat peribadi yang sama berulang kali apabila berurusan dengan Kerajaan.           | Maklumat yang digunakan lebih tepat, boleh dipercayai dan konsisten kerana diperoleh daripada satu sumber yang sah. |
| Masa yang diambil untuk berurusan dengan agensi kerajaan lebih singkat.                                                     | Menjimatkan masa dan tenaga dalam kemasukan dan memproses data.                                                     |
| Maklumat asal yang disimpan lebih tepat.                                                                                    | Maklumat yang terkini boleh diperoleh secara <i>real time</i> merentasi agensi.                                     |
| Samakan maklumat peribadi dan pengemaskinian maklumat perhubungan boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. | Maklumat yang terkini boleh diperoleh secara <i>real time</i> merentasi agensi.                                     |

|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Projek IPv6 Sektor Awam</b>                                             |

Pelaksanaan Projek IPv6 Sektor Awam yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah untuk menggantikan teknologi IPv4 susulan daripada ruang alamat global yang tidak mencukupi. IPv6 berupaya menyediakan perkhidmatan dan keupayaan baru serta dapat meningkatkan keselamatan dari segi *end-to-end* dan servis kualiti.



Pelaksanaan Projek IPv6 Sektor Awam ini telah memenuhi tiga daripada tujuh strategi ICT yang dikenal pasti dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat Sektor Awam untuk memacu penggunaan ICT secara meluas dalam menyampaikan perkhidmatan berfokuskan rakyat dan mencipta perkhidmatan awam dengan pendekatan Keseluruhan Kerajaan.

#### TIGA STRATEGI ICT

- Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan menerusi penyelarasan Arkitektur ICT.
- Mengoptimum dan meningkatkan operasi ICT menerusi konsolidasi infrastruktur ICT.
- Memperhebatkan kolaborasi antara agensi ke arah memupuk perkhidmatan awam berlandaskan konsep *whole of government*.

Pelaksanaan projek ini penting dalam memastikan usaha sektor awam mempermudah sistem, menghapuskan pertindihan dan memanfaatkan teknologi dapat dihasilkan. Projek ini melibatkan pelaksanaan IPv6 Sektor Awam di 153 agensi Kerajaan di seluruh negara dan melibatkan enam pasukan mengikut zon.

#### 6 Skop utama projek

Pengauditan Infrastruktur ICT Di Agensi Kerajaan.

Menaiktaraf Makmal Ipv6 MAMPU.

Perbekalan Peralatan *Switch* Dan *Firewall*.


Latihan Kursus Dan Program Pemindahan Teknologi (TOT).

Penyediaan PMO Dan Khidmat Nasihat.

Perkhidmatan Konfigurasi *Switch* Dan *Firewall*.

|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Projek Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC)</b>                       |

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melancarkan projek *Government Unified Communication* (1GovUC) bertujuan untuk meningkatkan kolaborasi dan komunikasi berkesan dalam sektor awam menerusi integrasi dan konsolidasi saluran-saluran komunikasi elektronik secara selamat serta dapat memberikan penjimatan sebanyak 20% sehingga 30% terhadap kos operasi dan pengurusan agensi kerajaan.



1GovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, persidangan video dan audio, *instant messaging*, faksimili, sistem pesanan ringkas (SMS) serta sistem pengurusan identiti. Selain itu, perkhidmatan ini turut menyediakan kemudahan perkongsian maklumat melalui portal kolaboratif dan portal maklumat awam melalui Portal 1GovUC. Penjimatan kos perbelanjaan kerajaan melebihi 30% dan melonjak tahap komunikasi elektronik kerajaan yang menepati piawaian antarabangsa serta menjadikan sistem penyampaian kerajaan adalah bertaraf dunia.



Perkhidmatan 1GovUC merupakan satu kerjasama strategik di antara MAMPU dengan pihak swasta memandangkan projek ini melibatkan kos pembangunan dan penyenggaraan yang amat tinggi melalui pendekatan secara “*managed services*”. 1GovUC berpotensi untuk dikembangkan ke seluruh warga perkhidmatan awam di dalam dan luar negara. Kewujudan sumber repositori identiti pengguna yang berpusat di 1GovUC kini menjadi asas mewujudkan beberapa inisiatif kolaborasi merentas agensi.

## OBJEKTIF

- Menghasilkan penjimatan ke atas kos-kos operasi dan pengurusan perkhidmatan awam sebanyak 20% sehingga 30% melalui pengurangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras di dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dilaksanakan di dalam perkhidmatan awam; dan
- Memperkasa dan menambahbaik urusan komunikasi dan kolaborasi dalam urusan harian pentadbiran / business activities sektor awam melalui integrasi dan konsolidasi saluran-saluran komunikasi elektronik secara selamat.



|                |                                                                                                                                |
|----------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b>                                                   |
| <b>Projek</b>  | <b>: Pembangunan Sistem Elektronik Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eRoses) Berkonsepkan Jalinan Kerjasama Strategik (BOS)</b> |

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah melancarkan sistem elektronik pendaftaran pertubuhan Malaysia (eRoses). Sistem ini bertujuan membolehkan sesebuah pertubuhan itu didaftarkan secara dalam talian. Pembangunan eROSES telah menggunakan


konsep Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak pada 2009. Pengguna eROSES turut melibatkan maklumat-maklumat pihak lain seperti pertubuhan, lain-lain agensi kerajaan, institusi kewangan dan pemberi sumbangan.

Projek ini telah dilaksanakan dengan kolaborasi MAMPU dan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pendekatan *BOS* yang digunakan adalah untuk menyokong strategi pembangunan secara dalaman serta meningkatkan kemahiran dan pengalaman pegawai sektor awam dalam bidang pembangunan sistem.





#### FAEDAH

- Cepat.
- Bila-bila masa.
- Sistematik.
- Menjimatkan masa dan kos.
- Mudah.
- Di mana sahaja.
- *Paperless*.



|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Aplikasi MyRam</b>                                                      |

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan aplikasi MyRam untuk memudahkan dan mempercepatkan proses penilaian risiko dan seterusnya dapat meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan. Idea ini tercetus apabila penjawat awam sukar melaksanakan penilaian risiko secara manual. Aplikasi ini menggunakan Aplikasi Microsoft Excell bermula daripada mengukur, menganalisis tahap risiko aset maklumat dan seterusnya mengambil tindakan untuk merancang dan mengawal risiko. Ia menyediakan kaedah-kaedah dan teknik-teknik dalam proses melaksanakan penilaian risiko secara sistematik dan berkesan terhadap aset Teknologi Maklumat Kerajaan (TMK) seperti ancaman, kelemahan, impak dan kemungkinan berlaku musibah bagi setiap aset dalam skop yang telah dipersetujui. Objektif utama pembangunan Aplikasi MyRAM adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan proses penilaian risiko dan seterusnya dapat meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan.



Penilaian risiko menggunakan aplikasi MyRAM hanya mengambil masa satu minggu berbanding satu bulan melalui cara manual bagi menyelesaikan keseluruhan proses penilaian risiko. Proses penilaian risiko yang cepat telah membantu agensi dalam menentukan tahap risiko aset TMK seterusnya dapat mempercepatkan agensi menentukan tindakan dalam meminimumkan risiko aset TMK tersebut. Oleh itu, agensi dapat mengurangkan impak gangguan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mengurangkan kos kerosakan ke aset TMK seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada *stakeholder* dan rakyat.



|                |                                                                              |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)</b> |
| <b>Projek</b>  | <b>: Pusat Latihan 1Malaysia</b>                                             |

Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia Training Centre (1MTC) merupakan inisiatif ke arah memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam bagi melestari perkongsian kemudahan fasiliti 347 institut latihan awam (ILA). Inisiatif ini merupakan *National Flagship* di bawah Jawatankuasa Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Inisiatif ini dilaksanakan dengan objektif untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan fasiliti di ILA seterusnya membantu Kerajaan dalam membuat keputusan strategik dalam bidang berkaitan

Pelaksanaan Projek 1MTC adalah berkonsepkan kolaborasi strategik di antara agensi-agensi Perkhidmatan Awam pelbagai Kementerian dan Jabatan bersama 346 ILA di seluruh Negara. Projek ini diterajui oleh pihak MAMPU dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersama rakan-rakan strategik yang lain iaitu Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan *One Malaysia For Youth* (1M4U).



|                 |                                                                                                                                         |
|-----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>OBJEKTIF</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengoptimumkan perkongsian sumber dan kemudahan yang ada di institut latihan awam.</li> </ul>    |
|                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan strategik berkaitan institute latihan awam.</li> </ul> |

Pelaksanaan projek 1MTC juga telah berjaya merubah paradigma bekerja secara silo kepada hubungan kerjasama strategik merentasi agensi. Projek ini memberi persepsi positif rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang padu tanpa sempadan. 1MTC telah berjaya memperkukuhkan program pembangunan modal insan dengan perkongsian fasiliti latihan 347 ILA kepada rakyat Malaysia. Ini dapat dilihat melalui program dan latihan yang telah dilaksanakan melibatkan jumlah peserta seramai 2,496,425 dengan sejumlah 59,767 fasiliti yang telah dioptimumkan. Ini dilakukan dalam tempoh 2 tahun pelaksanaan inisiatif.

|                |                                                                                   |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Jabatan</b> | <b>: Unit Perancang Ekonomi (EPU)</b>                                             |
| <b>Projek</b>  | <b>: Pelaksanaan Enterprise Architecture ke arah Organisasi Agile dan Lestari</b> |

Unit Perancang Ekonomi (UPE), adalah agensi pusat Kerajaan yang berperanan sebagai pusat perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi negara. UPE juga memberi tumpuan kepada perancangan dasar dan



pelaksanaan program secara berkesan bagi mencapai Wawasan 2020. Justeru, pelaksanaan *Enterprise Architecture* (EA) merupakan pendekatan berstruktur dan strategik yang digunakan untuk mendefinisikan teras UPE meliputi keseluruhan aspek perkhidmatan, proses, maklumat, teknologi dan infrastruktur. *Blueprint* EA UPE telah menyediakan rangka kerja yang sistematik, komprehensif, menyeluruh dan efisien untuk menyokong fungsi teras UPE, JPM. EA yang dibangunkan telah diajarkan kepada Pelan Strategik Agensi (PSA) 2010-2012 dan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2011-2015. Walaupun baharu diinstitusikan dan direkayasa bermula pada 2012, EA merupakan satu budaya yang diamalkan secara berterusan di UPE bagi mentransformasi UPE merentasi semua Seksyen dan merangkumi lima (5) domain utama iaitu *Business, Information, Application & Software, Technology* dan *Governance*. UPE adalah merupakan agensi perintis yang membangunkan EA di sektor awam.

*Enterprise Architecture* (EA) adalah satu perjalanan, amalan dan budaya bagi tadbir urus sesebuah agensi seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk mencapai visi yang ditetapkan. Objektif pembangunan EA UPE adalah bagi memudahkan pengintegrasian, saling boleh kendali (*interoperability*), perkongsian maklumat dan sumber IT merentasi seksyen dan agensi melalui penggubalan rangka kerja EA yang menyokong strategi bisnes UPE dan memenuhi keperluan *stakeholder*, bisnes dan teknologi secara holistik.

### Rasional Projek:

1. Membangunkan rangka kerja EA UPE yang bersifat agile dan komprehensif bagi mengintegrasikan fungsi teras UPE dan kebolehpayaan teknologi untuk meralisasikan visi UPE;
2. UPE memerlukan maklumat yang sahih pada masa yang tepat untuk membuat keputusan yang terbaik dan memberi perkhidmatan yang cekap dalam merangka Rancangan Malaysia Lima Tahun dan perancangan lain dari semasa ke semasa. Justeru itu, EA UPE memberi panduan dalam membentuk rangka kerja berkaitan persekitaran Business dan ICT secara sistematik, komprehensif dan efisien untuk menyokong keperluan UPE;
3. Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) UPE 2011-2015 mengenalpasti beberapa isu berkaitan maklumat merangkumi antaranya penyimpanan secara silo, pertindihan peranan


semasa pengumpulan data, perkongsian yang tidak merentas seksyen/agensi, kekurangan penggunaan standard dalam metadata dan kekurangan penginterasian antara aplikasi di UPE;

4. Mewujudkan satu *Information Governance Framework* bagi mengenalpasti prinsip perkongsian maklumat dan merekabentuk *repositori data* UPE di antara Seksyen di UPE dan merentasi Agensi;
5. Menenalpasti dan memberi keutamaan membangunkan sistem/aplikasi/repositori data yang menyokong fungsi teras UPE di samping pembangunan sistem/aplikasi sokongan; dan
6. Menenalpasti kebolehpayaan dan manfaat penggunaan teknologi di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi agensi yang hampir menyamai UPE dari segi fungsi business dan *objective strategic*.



Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the top left corner of the page.

# **BAВ 3**

Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the bottom right corner of the page.

# Melangkah Ke Hadapan

Sejajar dengan kemajuan pembangunan serta perkembangan teknologi yang pesat, banyak pihak telah menuntut sektor awam melaksanakan transformasi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.


Menyedari hakikat ini, perkhidmatan awam perlu mempelbagaikan usaha menghasilkan inovasi dengan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran yang tinggi supaya dapat menghasilkan nilai tambah yang signifikan dalam aspek penggubalan dasar dan pengurusan operasi sektor awam.

Buku Kompilasi Projek-Projek ICT ini adalah salah satu bentuk panduan untuk mendorong penjawat awam supaya dapat menghasilkan projek atau membangunkan produk inovasi yang dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pihak pemegang taruh. Justeru, diharapkan dengan penerbitan buku ini pelaksanaan dan perancangan program inovasi di Jabatan/Agensi akan lebih menyerlah melalui:

- Penggalakkan budaya inovasi dalam semua skop teras perkhidmatan organisasi. Elemen inovasi baharu dapat ditampilkan dalam pelbagai aspek seperti pengurusan pelanggan, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi serta lain-lain lagi. Menerusi pendekatan ini, kreativiti dapat dicipta melalui sinergi idea serta komitmen semua pihak untuk menghasilkan inisiatif yang cekap, maju dan mampu menyelesaikan pelbagai perkara;
- Jalinan kerjasama strategik antara Jabatan/Agensi Kerajaan melalui strategi lautan biru dapat memperkembangkan perspektif inovasi yang lebih luas serta menjauhi budaya bergerak berasingan dan sikap silo;
- Penggunaan sumber yang optimum untuk memastikan produk inovasi yang dihasilkan dapat memberi impak maksima kepada pengurusan kewangan atau penggunaan kos-kos operasi yang lain. Daripada aspek yang lain, penambahbaikan dan inovasi menggunakan kepakaran dalaman dapat meminimumkan perbelanjaan organisasi bermula daripada sesuatu projek atau produk dihasilkan sehingga penyelenggaraan berkala produk. Justeru, ia berupaya mengurangkan liabiliti penyelenggaraan dan kos-kos terlibat dapat diunjur secara teliti dan relevan; dan
- Menghindari pertindihan penghasilan produk inovasi yang sama. Ia juga dikaitkan dengan pengulangan produk yang tiada ciri-ciri penambahbaikan malah menghadkan rangsangan kreativiti dan idea-idea baru. Pertindihan ini turut akan mengurangkan intensiti komunikasi antara Jabatan/Agensi untuk saling berhubung kait dan melemahkan kerjasama dan rantaian hebahan produk Inovasi yang telah dihasilkan.

Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the top left corner of the page.

# BAB 4

Four light gray squares with rounded corners are arranged in a 2x2 grid in the bottom right corner of the page.



# Penutup

Kompilasi Projek Inovasi Jabatan/Agensi JPM adalah aspirasi kepada penjawat awam untuk merealisasikan seruan kerajaan dalam memperkasakan peranan ICT dalam sektor awam. Ia juga merupakan institutional memory kepada projek dan produk inovasi yang telah dihasilkan oleh Jabatan/Agensi JPM dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pihak pemegang taruh dan pelanggan menerusi pendekatan kreatif dan juga bagi mengelakkan proses atau projek yang berulang. Projek-projek yang bersesuaian boleh dibangunkan lagi menerusi kerjasama awam-swasta bagi mempertingkatkan usaha memartabatkan JPM sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja berprestasi tinggi malah kreatif dan berinovasi. Semoga penerbitan buku ini dapat melahirkan semangat baru dalam penghasilan projek inovasi seterusnya.





JABATAN PERDANA MENTERI

**KECEMERLANGAN INOVASI MERENTAS GLOBALISASI**



**Seksyen Pengurusan Inovasi dan Dasar  
Bahagian Inovasi dan Pengurusan Sumber Manusia  
Jabatan Perdana Menteri**

**Tel : +603-8872 2890 Fax : +603-8889 4811**

**E-mel : [inovasi@jpm.gov.my](mailto:inovasi@jpm.gov.my)**

**Portal Rasmi : [www.jpm.gov.my](http://www.jpm.gov.my)**